



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 23 BILANGAN 51

RABU 20HB DISEMBER, 1978.

1399 رابو 19 محرم

PERCHUMA

RANG UNDANG2 LESEN2 RAMPAIAN DI-LULUSKAN

BANDAR SERI BEGA- WAN.—Satu Undang2 untok mengadakan syarat bagi melesen, mengotrol dan mengawal beberapa tempat dan kegiatan perdagangan yang tertentu dan bagi maksud2 yang berkaitan dengan-nya telah di-luluskan oleh Majlis Mashuarat Negeri ketika memasoki mashuarat-nya di-hari ketujuh, Khamis, 14hb Disember yang baru lalu.

Rang Undang2 tersebut yang di-gelar Rang Undang2 Lesen2 Rampaian, 1978 telah di-usulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz, Setia Usaha Kerajaan dalam persidangan di-hari ke-enam.

Rang Undang2 itu yang telah di-bahaskan sa-lama kira2 dua hari telah di-undi sa-bulat suara oleh Ahli2 Dewan tanpa apa2 pindaan ka-atas-nya.

Menurut Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan ketika membentangkan usul tersebut bahawa antara lain tujuan-nya ia-lah untok mengadakan syarat2 mengawal dan mengotrol beberapa jenis perniagaan dan kegiatan perdagangan di-dalam negeri ini untok memastikan perkembangan-nya yang terotrol.

Undang2 itu telah mempersharatkan bahawa tiada siapa pun yang di-bolehkan membuka atau terus membuka apa jua tempat, atau melakukan apa jua perdagangan, perniagaan atau pekerjaan yang di-tentukan dalam jadual kechuali di-bawah sesuatu lesen.

Kegiatan2 perdagangan, perniagaan dan pekerjaan yang di-chatetkan dalam jadual Undang2 Lesen2 Rampaian itu ada-lah meliputi kepada pembukaan kedai2 kopi, kedai2 makan, rumah2 penginapan, rumah2 tumpangan, atau tempat2 lain untok peristiharan dan perjamuan orang ramai, penjaja2, pedagang kereta, steshen minyak, termasuk tempat2 menyimpan minyak dan benda2 yang mudah terbakar, kedai2 runchit, setor kayu dan membuat alat2 perabot dan bengkel kereta.

Undang2 itu telah juga memberi bidang kuasa kepada Pehak Berkuasa Melesen untok menimbang bagi mengeluarkan sesuatu lesen tertaklok kepada sesuatu rayuan yang di-buat kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.



YB. Pehin OKLW Dato Seri Setia Awg Haji Abdul Aziz.

Sa-lain daripada itu, Undang2 itu juga mempersharatkan bagi kesalahan2, hukuman2 dan kuasa pehak pulis berkenaan dengan kesalahan2 tersebut di-samping memberi bidang kuasa kepada Mahkamah Majistret Kelas Satu dan mempersharatkan tanggungjawab terhadap perbuatan dan perbuatan yang tidak di-lakukan oleh sa-seorang ejen atau pekerja.

Menurut peratoran2 Undang2 itu juga, ada-lah menjadi kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dalam Bab 2, Cheraian (1) untok membuat peratoran bagi berbagai maksud antara-nya bentok dan syarat apa jua lesen yang di-berikan, pehak berkuasa yang boleh mengeluarkan lesen tersebut serta bayaran2-nya dan tempoh bagaimana lesen sa-demikian akan di-keluarkan.

Dalam peratoran2 lain Undang2 tersebut juga memberi bidang kuasa kepada majistret untok mengeluarkan waran yang membenarkan mana2 pegawai pulis untok memasoki dan menggeledah tempat tersebut dan untok menangkap orang2 dan merampas dokumen2 serta barang2 yang mungkin di-dapati di-tempat tersebut.

Bab 7, Cheraian (1) dari Undang2 itu juga ada mempersharatkan kuasa untok mengenakan hukuman denda sa-banyak tidak lebeh dari lima ribu ringgit kepada sesiapa yang melakukan atau chuba melakukan apa jua kesalahan terhadap Undang2 berkenaan jika di-dapati thabit kesalahan-nya.

Lihat muka 16



TYT Pesuruhjaya Tinggi British, Awang Arthur Watson menyampaikan perisai kejohanan kepada ketua pasukan Palang Merah Daerah Brunei-Muara.

Perbarisan sempena 30 tahun tertuboh-nya Palang Merah

BANDAR SERI BEGA- WAN.—Persatuan Palang Merah Negeri Brunei telah menyambut hari ulang tahun-nya yang ke-30 tahun dengan mengadakan satu perbarisan di-Padang Besar di-sini pada hari Ahad lalu. Upacara perbarisan itu juga di-adakan bersempena memperingati hari ulang tahun yang ke-150 tahun pengasas Pertuboh-

an Palang Merah Sa-dunia. Tetamu kehormat di-upacara perbarisan itu ialah Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson yang juga selaku Yang Dipertua Persatuan Palang Merah Negeri Brunei. Awang Watson telah menerima tabek dan kemudiam memeriksa perbarisan pasukan2 yang me-

ngambil bahagian yang terdiri dari pasukan Palang Merah dari Daerah Brunei-Muara, Belait, Tutong dan Temburong. Pasukan2 Bulan Sabit Merah Miri dan Labuan juga mengambil bahagian di-upacara itu.

Sa-telah perbarisan di-Padang Besar itu, upacara berpindah ka-Pusat Belia di-mana Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British itu menyampaikan Pingat2 dan Lenchana2 kepada beberapa orang pegawai dan ahli2 Palang Merah Negeri Brunei.

Awang Watson juga telah menyampaikan hadiah kepada pemenang2 dalam peraduan di-temasha malam aneka warna yang di-adakan pada malam Sabtu dan juga kepada pasukan2 yang menang dalam peraduan pertolongan chemas dan peraduan rawatan yang di-adakan di-Pusat Belia pada hari Sabtu.

Pasukan Palang Merah Daerah Brunei-Muara telah munchol sa-bagai johan dalam peraduan pertolongan chemas sementara pasukan Bulan Sabit Merah Miri memenangi peraduan rawatan.

Pindaan ka-atas Undang2 Lalu-Lintas

BANDAR SERI BEGA- WAN.—Sa-banyak enam bab dari Undang2 Lalu-lintas Jalan-nya 1954 yang sa-lepas ini di-gelar sa-bagai Undang2 Utama telah di-pinda bagi berbagai kesalahan ka-dalam undang2 yang di-gelar sa-bagai Undang2 Lalu-lintas Jalan-nya (Pindaan) 1978.

Undang2 tersebut yang telah di-usulkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Lt. Kol. Dato Seri Pahlawan Mohammad bin Haji Daud pada hari Rabu ia-itu hari ke-enam Persidangan Majlis Mashuarat Negeri mengadakan sidang-nya di-Dewan Majlis telah di-luluskan dengan sa-bulat suara oleh Ahli2 Yang Ber-

hormat sa-telah di-bahaskan dengan panjang lebar.

Menurut Fasal 2 dari Undang2 Pindaan berkenaan telah meminda Bab 24 dari Undang2 Utama (melebihi had laju) dengan menjadikan thabit kesalahan kedua atau berikut-nya tertaklok kepada peristiharan paksa sa-bagai tidak layak memandu atau di-gantong dari memandu bagi sesuatu tempoh yang tidak kurang dari tiga bulan.

Fasal 3 yang meminda Bab 26A (menyebabkan kematian kerana memandu dengan merbahaya) dengan memberi kepada Mahkamah2 kuasa2 untok meng-gantungkan dan mengistihar sa-bagai tidak layak memandu di-bawah Bab 27.



YB Pehin OKSD Lt Kol Dato Seri Pahlawan Mohammad.

Dalam Fasal 4 pula Undang2 Pindaan telah meminda Bab 27 (memandu dengan merbahaya) dengan menjadikan kuasa pertim-

banan untok menggantung dan mengistihar sa-bagai tidak layak memandu di-bawah cheraian 2(6) sa-bagai suatu kuasa paksa.

Mengenai Fasal 5 Undang2 Pindaan itu juga telah memberi Mahkamah2 kuasa2 paksa untok meng-gantong dan mengistihar sa-bagai tidak layak memandu dalam perkara thabit kesalahan kedua atau berikut-nya kerana memandu dengan chuai di-bawah Bab 28.

Fasal 6 mengubah dari kuasa pertimbangan untok meng-gantong dan mengistihar sa-bagai tidak layak memandu di-bawah Bab 30 (kegagalan pemandu untok memberi pertolongan) sesuatu kuasa paksa.

Lihat muka 16



Pelita Brunei
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI

20HB DISEMBER, 1978

MENCAPAI KEMAKMORAN

NAMPAK-NYA negeri kita sekali lagi akan mencapai satu tahap kemakmoran negara yang pada keseluruhannya akan di-hasilkan oleh pendapatan negara kita yang di-ramalkan terus meningkat maju di-sepanjang tahun 1979 nanti walaupun kita masih berkehendakkan satu jumlah perbelanjaan yang agak besar bagi membiayai urusan perkhidmatan negara dan raayat sa-panjang tahun tersebut.

Menurut ramalan yang telah di-buat oleh Y.B. Pegawai Kewangan Negara ketika membentangkan Rang Undang2 Belanjawan-nya di-Dewan Majlis yang baru lalu, bahawa negara kita akan mencapai satu kelebihan pendapatan yang berjumlah \$1,407 juta, ini kemudian-nya akan menjadikan baki keridit Kira2 Hasil Yang Di-Satukan sa-hingga 31hb Disember 1979 akan berjumlah sa-banyak \$7,956 juta sa-telah \$100 juta dari-nya di-masukkan ka-dalam Kumpulan Wang Kemajuan.

Tentu banyak sebab mengapa negara kita akan berjaya mencapai kelebihan hasil yang begitu menggalakkan sa-panjang tahun 1979 itu. Hal ini jika kita perhatikan seperti juga pada tahun 1978 ini negara kita telah juga berjaya mencapai kelebihan yang agak besar dalam mana sa-jumlah \$6,383 juta baki keridit dalam Kira2 Hasil Yang Di-Satukan sa-hingga penghujung tahun ini nampak-nya telah mencapai kelebihan dengan menjadi \$6,649 juta seperti yang di-ramalkan oleh Y.B. Pegawai Kewangan Negara itu tahun lalu.

Tidak shak lagi bahawa keseluruhannya kelebihan hasil yang di-nekmati itu ada-lah berpuncha dari keupayaan pengeluaran minyak dan gas chechair asli yang menjadi rahmat kemakmoran dari Allah s.w.t. kepada negara kita sa-lama ini yang mana dari-nya kita perolehi dengan cara halal dan kita belanjakan ka-araf berkeabajikan di-redhai-Nya jua.

Keupayaan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dengan segala kebijaksanaan yang ada kepada tenaga2 yang di-amanah dan telah menjalankan tanggung-jawab mereka dengan jujur dan penuh dedikasi telah juga memberikan suatu ganjaran. Hasil dari itu negara kita telah berjaya mengurangkan jumlah perbelanjaan yang di-tanggung dalam urusan perdagangan luar negeri berbanding dengan jumlah pendapatan yang kita perolehi dari urusan tersebut. Ini seperti yang kita maklum negara kita telah mencapai satu kelebihan hasil eksport dalam enam bulan pertama, 1978 sa-jumlah \$2,060 juta sedangkan jumlah impot yang kita lakukan hanya sa-banyak \$301 juta.

Bagaimanapun kelebihan hasil jualan minyak yang di-ramalkan bertambah akibat dari kenaikan harga minyak yang mungkin berlaku tahun 1979, kestabilan pertukaran mata-wang Brunei dengan mata-wang dunia yang menjadi pertukaran utama perdagangan dunia, dan kestabilan politik serta keselamatan yang sedia ada dalam negeri kita ada-lah juga menjadi puncha yang tidak dapat di-ragukan untuk menolong lagi meningkatkan kelebihan yang di-ramalkan itu.

Dalam jumlah perbelanjaan bagi perkhidmatan negara sa-panjang tahun 1979 pula, kita telah mengetahui bahawa peruntukan bagi urusan demikian amatlah menyenangkan hati kita, betapa tidak dengan jumlah yang begitu besar ia-nya telah membuktikan bahawa Kerajaan Baginda Yang Dipertuan tanpa ragu2 dan banyak kira telah takabir untuk mengeluarkan wang sa-jumlah itu asalkan hasrat yang raayat serta penduduk Negeri Brunei yang berlandong di-bawah Panji2 Kerajaan Baginda benar2 dapat menekmati apa jua bentuk kemakmoran dan kebahagiaan yang dapat di-limpahkan. Sikap demikian dapat-lah kita sifatkan sa-bagai menumpahkan kuah ka-atas nasi dan bukan sa-bagai "kera di-hutan di-susui sedangkan anak di-buain menangis kelaparan."

Dan bagi kita raayat serta penduduk negeri ini yang turut mengecap dan menekmati kemakmoran yang berlimpah ruah itu jangan-lah sa-andai-nya kita bersikap, susu yang di-dapat, tuba yang kita balaskan. Apa yang wajib kita tunaikan untuk melaksanakan tanggung-jawab serta peranan kita sa-bagai warga negara yang benar2 menyedari erti diri-nya dalam negara ini ia-lah yang utama kita sama2 menanai dan memikul peranan dalam menjaga keamanan dan keselamatan negara. Betapa tidak hanya keselamatan yang terjamin sahaja-lah yang dapat memberikan luang kepada kita untuk menekmati semua kemakmoran negara itu, tanpa keselamatan dan keamanan kita pasti akan berkeadaan kucar-kacir dalam mencari kemakmoran dan kenekmatan negara itu.

MINYAK DAN GAS MEMAINKAN PERANAN PENTING DLM. EKONOMI NEGERI BRUNEI

SAYA berdiri untuk mengusulkan bacaan kedua Rang Undang2 dalam nama saya yang di-gelarkan "Satu Undang2 untuk memohon sejumlah wang dari Kumpulan wang Yang Di-Satukan bagi perkhidmatan tahun 1979 dan untuk memperuntukkan jumlah wang tersebut bagi maksud2 yang tertentu". Dalam melaksanakan hal ini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk meninjau balek kejadian2 di-tahun lalu yang menimbulkan kesan2 d-segi kewangan Negeri Brunei, untuk memberitahu Ahli2 Yang Berhormat tentang kedudukan kewangan yang terdapat pada masa ini dan untuk meramalkan apa-kah keadaan-nya yang mungkin berlaku pada hujung tahun 1979 pula.

Tahun 1978 merupakan satu tahun yang menarek perhatian lantaran pemulihan ekonomi yang perlahan2 di-negara2 maju di-dunia, meskipun mereka telah bertungkus-lumus dengan pelbagai cara untuk mengatasi masalah inflasi, masalah imbalan2, perdagangan dan masalah kadar2 pertukaran mata-wang yang turun-naik. Tanpa ada-nya daya penggerak yang di-bangkitkan oleh pemulihan ekonomi yang sedemikian, maka negara2 yang membangun kian menghadapi masalah2 kuran2 perdagangan dan berlanjutan yang lebih besar, yang semakin bertambah burok lantaran bantuan asing yang berkurangan banyak-nya dan juga lantaran dasar2 perlindungan terhadap barang2 keluaran mentah mereka. Di-samping kesulitan2 ekonomi, rusuhan politik di-Afrika, Timor Tengah dan Timor Dekat serta di-bahagian2 tempat di-Timor Jauh merupakan satu lagi batu penghalang ka-araf terchapai-nya pertumbuhan ekonomi yang terot saperti yang di-idamkan oleh semua negara.

Dalam keadaan dunia yang serba kachau-bilau ini, kita di-Negeri Brunei telah bernasib baik kerana dapat mempergunakan kesempatan yang di-luaskan oleh kedudukan ekonomi negara kita yang baik serta stabil untuk meneruskan pelaksanaan rancangan2 kemajuan yang lalu dan untuk mengkaji rancangan2 baru yang mana akan menghasilkan perkhidmatan2 Kerajaan yang bertambah baik serta bertaraf tinggi, dalam keadaan suasana politik yang tenang. Usaha menchan-tumkan amalan tradisi2 yang berkurun2 lama-nya

BERIKUT ia-lah bahagian pertama ucapan Pegawai Kewangan Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee ketika membentangkan Rang Undang2 Perbekalan Negara bagi tahun 1979 di-Majlis Mashuarat Negeri.

Ucapan Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negara ini akan di-siarkan tiga minggu berturut2.

dengan keperluan2 serta permintaan2 sa-buah masyarakat yang moden sedang di-laksanakan dengan jaya-nya.

Minyak dan gas terus memainkan peranan penting dalam ekonomi negeri ini. Urusan2 yang di-rundingkan di-tahun lalu dalam mana pihak Kerajaan akan mengambil bahagian dalam shariat yang bertanggung-jawab terhadap pemasaran tempatan hasil2 minyak yang telah di-tapis telah mencapai keputusan yang muktamad awal tahun ini. Hasil dari rundingan2 tersebut Kerajaan sekarang ikut serta dalam semua lapangan kegiatan perusahaan minyak dan gas di-Brunei, serta sama2 membuat keputusan pada peringkat Lembaga Pengarah. Urusan2 itu berjalan dengan baik-nya terutama sekali oleh kerana perkongsian tersebut merupakan satu hubungan yang sangat rapat dan kerana wujud-nya keazaman yang sama untuk menyelesaikan mana2 masalah yang berbangkit di-antara kedua buah pihak.

Pengeluaran minyak se-chara pukol-rata dalam tahun 1978 ada-lah sa-banyak 230,000 tong sehari dan kadar ini mungkin dapat di-kekalkan di-sepanjang tahun 1979. Jualan2 minyak dan gas ada-lah di-dasarkan kepada nilai ringgit Amerika dan meskipun turun-naik pertukaran dalam matawang tersebut menjejaskan hasil2 pendapatan Negeri Brunei, namun ada-lah di-jangka-kan bahawa dalam tahun 1979 harga2 minyak akan naik lagi dan hasil pendapatan dari sumber ini dalam nilai ringgit Brunei akan berada dalam paras yang sama dengan yang terdapat di-tahun ini.

Negeri Brunei menekmati satu kelebihan imbalan perdagangan yang besar yang di-timbolkan oleh eksport minyak dan gas serta harga2 mahal yang lazim terdapat bagi bentuk2 tenaga yang sa-demikian. Di-sepanjang enam bulan pertama tahun 1978 jumlah eksport ada-lah sa-banyak Br\$2,060 juta sedangkan impot bagi jangka-waktu yang sama pula ada-lah

sa-banyak Br\$301 juta. Maka tidak-lah dapat di-elakkan kalau perangkaan2 bagi pertumbuhan ekonomi dan perdagangan pada sa-bahagian besar-nya membayangkan kedudukan mengenai dengan minyak dan gas dan ada-lah satu perkara yang menarek untuk di-ambl perhatian yang satu projek lain akan perlu mengeluarkan hasil2 yang bernilai Br\$30 juta sa-tahun untuk menjadikan perbezaan sa-banyak 1% dalam Keluaran Kasar Dalam Negeri.

Turun-naik-nya kadar2 pertukaran matawang utama di-dunia terus menjadi satu perkara yang membimbangkan. Bagaimanapun melalui perantaraan Lembaga Penasehat Pelaburan simpanan2 Negeri Brunei di-seberang laut telah di-peraneka-jeniskan dengan sa-begitu rupa supaya kesan2 perubahan dalam kadar2 pertukaran dapat di-kurangkan dengan sa-kecil2-nya. Oleh kerana pandangan jangka panjang boleh di-ambl terhadap pegangan2 pelaburan, maka perubahan2 yang mendadak tetapi biasa-nya untuk sementara waktu sahaja lebih banyak menjejaskan nilai2 buku daripada nilai2 sa-benar pelaburan2 itu.

Matawang Brunei, yang jauh berlipat ganda di-sokong oleh simpanan2 Negeri Brunei di-seberang laut, terus dalam keadaan yang kuat dan stabil. Pariti-nya yang sama dalam nilai emas masih tidak berubah dan saling-pertukaran-nya dengan matawang Singapura terus merupakan satu perkara yang berharga kepada para pelancong dan peniaga. Jumlah wang yang sedang dalam peredaran ia-lah kurang-lebih sa-banyak Br\$98 juta. Wang2 shiling bermutu peruf dengan nilai muka Br\$1000 telah di-keluarkan pada 1hb Ogos 1978 bagi memperingati Perpustakaan sa-puluh tahun yang lalu bagi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan wang2 shiling itu telah mendapat sambutan hangat daripada pemungut.

Kerajaan terus memberikan bantuan subsidi kepada kemudahan2 dan perkhidmatan2 awam. Di-samping itu juga, minyak gasoline, diesel dan

kerosine di-jual kepada orang ramai melalui stesen2 minyak dengan harga2 yang di-tung-jangi oleh Kerajaan dan beras pula di-impot oleh Kerajaan dan di-jual kepada peniaga2 runchit menurut harga yang telah di-tetapkan. Melalui Undang2 Kawalan Harga satu pengawasan yang berterusan terhadap harga2 barang yang penting telah dapat di-kekalkan. Dengan cara2 ini dan dengan terus mengekalkan perbelanjaan wang Kerajaan dalam batas-ukuran yang di-tentukan oleh hasrat untuk memajukan negeri ini demi untuk kebaikan bersama di-bidang ekonomi dan kewangan, maka bahaya inflasi telah dapat di-kongkong hingga tidak melampaui batas2 yang kita boleh terima.

Ranchangan Pinjaman Talivishen Berwarna telah di-teruskan di-sepanjang tahun ini dan hal ini telah membolehkan kebanyakan keluarga di-Brunei untuk memiliki peti2 talivishen mereka sendiri. Wang2 pinjaman yang berjumlah kurang-lebih Br\$21 juta telah pun di-berikan. Di-samping itu pula dengan adanya peti2 talivishen yang di-sediakan dan di-jagai oleh Kerajaan di-kampung2 yang terpilih maka dapat-lah di-pastikan bahawa ranchangan2 talivishen yang di-pancharkan dapat di-terima oleh semua orang.

Penerbangan Diraja Brunei telah dapat mengekalkan taraf gerakan-nya yang tinggi dan bilangan penumpang2 yang di-bawa dalam penerbangan2 yang di-kendalikan, oleh Penerbangan ini ada-lah semakin bertambah banyak. Dalam urusan2 pengangkutan barang ada terdapat satu perkembangan dan untuk memenuhi keperluan yang kian bertambah ini maka sa-buah kapal terbang baru telah pun di-pesan. Kapal terbang ini ada-lah dari jenis yang sama dengan kapal terbang2 yang sedia ada dalam perkhidmatan tetapi ia-nya mempunyai satu kelebihan ia-itu ia-nya dengan chepat boleh di-ubah perannya dari mengangkut penumpang menjadi pengangkut barang samada pada keseluruhannya atau sa-bahagian-nya. Dari itu akan dapat-lah di-penuhi keperluan2 bagi mengadakan keupayaan pengangkutan dalam kedua2 bentuk tadi.

Melalui Penerbangan Diraja Brunei Kerajaan telah memiliki sa-bahagian besar saham dalam shariat yang telah di-tubuhkan untuk mengendalikan penyediaan perkhidmatan dalam penerbangan untuk Diraja Brunei dan lain2 shariat penerbangan dan juga bagi mengendalikan restoran dan kantin di-Lapangan terbang. Shariat ini juga telah kian terbukti mempunyai kejayaan kedua2-nya dari segi keuntungan kewangan dan dalam mengadakan perkhidmatan yang tinggi taraf-nya. Shariat ini juga berchadag untuk memperluaskan lagi gerakan2-nya untuk memenuhi lain2 keperluan penyediaan perkhidmatan dalam negeri ini.

MENYAMBONG perbahasan bagi hari yang kedua, Majlis Mashuarat Negeri maseh lagi membincangkan usol dari Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Abdul Momin yang mengemukakan supaya Majlis meluluskan untuk menyembahkan ucapan menjunjung kasih ka-atas keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang telah berkenan menyempurnakan perasmian dan melafadzkan titah di-Majlis tersebut.

Ahli2 Yang Berhormat yang di-lantek dan Ahli Rasmi Kerajaan dalam mengemukakan pendapat bagi menyukong usol tersebut telah banyak menimbulkan hal ehwal pelajaran, perubatan dan kesihatan, ketaatan, keselamatan dan tidak kurang juga melahirkan buah fikiran yang berbagai chorak dalam penafsiran mengenai dengan kemerdekaan.

Ahli Rasmi Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain ketika menghujah menyukong usol itu, lebeh banyak memberikan perhatian untuk menghuraikan erti KEMERDEKAAN TULIN dan pengertian MENCHAPAI SEMULA TARAF-NYA serta maksud BERDAULAT.

Beliau membuat huraian2 itu ada-lah sa-bagai menghuraikan kekusutan yang di-hadapi oleh sa-bahagian dari ahli2 yang di-lantek yang ingin penjelasan terhadap perkara2 demikian dalam mana di-persidangan yang telah berlangsung pada hari pertama, YB. Pengiran Dato Seri Laila Jasa Haji Sepiuddin telah meminta supaya di-jelaskan perkara TULIN.

Menurut YB. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, bahawa perkataan TULIN itu bermakna tidak berchampur dengan yang lain, bukan tiruan, asli dan sejati. Asli ia-lah yang sa-benar-nya sementara sejati pula ia-lah murni.

TARAF pula jelas Yang Berhormat itu, ia-lah bermaksud bahawa Brunei ingin menchapai semula darjah-nya, mutu-nya, tingkatan-nya dan merta-bat-nya yang pernah gemilang.

Pengertian BERDAULAT jelas YB. Pehin



YB. Pehin OK Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain.

Orang Kaya Ratna Diraja tidak-lah perlu pada huraian yang panjang memadai-lah dengan imbahagian perkataan MERTABAT yang penuh dengan kebahagiaan, yang benar, berkuasa, berdaulat, bertuah dan kedaulatan ia-lah kekuasaan yang tertinggi.

Berchup lebeh satu jam untuk membuat huraian2

YB. Pehin Ratna Diraja huraikan erti

KEMERDEKAAN TULIN

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja telah juga merujuk kepada kegemilangan Brunei di-kurun yang ke-14 di-mana kedaulatan Brunei di-perjuangkan sejak Awang Alak Betatar dan sambong menyambong hingga kepada pemerentahan Sultan Bolkiah dan di-zaman kita ini telah dipelupori pula oleh DYTM Paduka Seri Begawan Sultan dan di-sambong oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan yang berikrar untuk meneruskan usaha2 Paduka Ayahanda Baginda demi untuk kepentingan negara dan rayat serta isi di-dalam-nya.

Di-zaman ini kata Yang Berhormat itu kita telah menchapai dua kemajuan ia-itu lahir-nya Perlembagaan 1959 dan Perjanjian yang di-tanda-tangani pada 23hb Nobember, 1971 yang mana telah menchapai perkembangan penadbiran negara yang ada sekarang dan kemajuan2 yang di-nekmati oleh negara dan rayat hari ini.

Menyebut mengenai prinsip2 keBruneian atau identiti Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja menyatakan bahawa identiti

perkataan itu, Yang Berhormat itu juga telah metik beberapa rujukan akhbar luar negeri terutama-nya titah2 yang pernah di-lafadzkan oleh DYMM Maulana Al-Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin hingga-lah sabda2 sesudah Baginda di-kenali sa-bagai DYTM Paduka Seri Begawan Sultan.

dekaan yang akan kita chapai berjalan dengan sempurna.

Yang Berhormat itu seterusnya membayangkan sejarah negara2 yang telah merdeka di-Asia, Eropah, Amerika dan Afrika yang mana ada di-antara negara2 tersebut dalam keadaan kucar-kacir. Negara yang besar mahu di-besarkan lagi dan yang kecil di-kecilkan lagi. Semua itu sudah cukup memberi pengajaran kepada kita untuk benar2 memelihara keamanan dan ketenteraman supaya kemerdekaan yang akan kita chapai berjalan dengan sempurna.

Yang Berhormat itu seterusnya membayangkan sejarah negara2 yang telah merdeka di-Asia, Eropah, Amerika dan Afrika yang mana ada di-antara negara2 tersebut dalam keadaan kucar-kacir. Negara yang besar mahu di-besarkan lagi dan yang kecil di-kecilkan lagi. Semua itu sudah cukup memberi pengajaran kepada kita untuk benar2 memelihara keamanan dan ketenteraman supaya kemerdekaan yang akan kita chapai berjalan dengan sempurna.

Peruntukan pertahanan wajar

Yang Berhormat Malai Haji Mashor ketika turut membahaskan usol dari YAB Menteri Besar menjelaskan, usaha Ahli2 Yang Berhormat yang di-lantek mengadakan lawatan kakampong2 antara lain bertujuan untuk mendampingi diri dan menyedarkan pendapat Ahli2 Yang Berhormat serta pehak kerajaan dari satu masa kasatu masa supaya tidak timbul sebarang perselisihan dan salah faham.

Mengenai peruntukan pertahanan beliau mensifatkan ia-nya sa-bagai wajar apa-tah lagi Brunei sedang menghadapi kemerdekaan di-mana kita akan berdiri sendiri dan mempertahankan diri sendiri tanpa berantong kepada negara2 lain.

Di-samping itu perbelan-

jaan pelajaran juga menarek perhatian beliau di-mana kata-nya perkara itu menunjukkan keazaman Baginda untuk memberikan raayat dengan pendidikan yang sebaik2-nya. Raayat perlu menyambut baik usaha demikian kerana pelajaran sahaja-lah yang dapat menjamin hidup kita di-masa depan dan tanpa-nya nasib kita sedikit kurang baik.

Dalam bidang perubatan pula YB. Malai Haji Mashor berkata, ini juga memboktikan hasrat kerajaan untuk memelihara raayat supaya benar2 sehat di-samping memperlihatkan kasih sayang Baginda untuk memelihara raayat.

Mengenai kemerdekaan beliau berkata bahawa masa lima tahun ini kita hendaklah gunakan sa-bagai pendidikan. Tanggong-jawab hari esok harus di-fikirkan dari sekarang. Kita harus berfikir dan berbakti dengan jujur.

Laporan
DARI
DEWAN
MAJLIS



Brunei itu ada-lah mengandungi empat perkara ia-itu KESULTANAN, KEUGAMAAN, KESATUAN BAHASA dan KEBUDAYAAN.

Menjelaskan erti CHABARAN, Yang Berhormat itu memberitahu Dewan, bahawa kemerdekaan ia-lah sa-bagai satu chabaran yang mesti di-hadapi untuk memboktikan ketabahan, tanggong-jawab, mempertahankan dan memperjuangkan segala2-nya yang telah di-waritih sejak turun-temurun ia-itu sifat2 keBruneian.

Yang Berhormat itu dengan panjang lebar telah juga memperkatakan soal waritih keBruneian yang mengandungi soal2 Kesultanan, Keugamaan, Bahasa dan Kebudayaan yang mesti di-jaga dengan sa-bepara ada yang boleh. Antara-nya Yang Berhormat itu telah menyentoh mengenai dengan tulisan jawi yang menurut-nya harus-lah di-timbulkan dengan di-beri sambutan2 yang menggalakkan dan biar-lah ia-nya tidak tertinggal atau di-tinggal2kan kerana tulisan jawi ada-lah waritih kita.

Kebudayaan2 waritih kita kata-nya, harus-lah di-gemilangkan kerana kita juga tidak kurang dengan kebudayaan2 yang boleh di-banggakan.

Menggunakan hujah2-nya mengenai dengan kebudayaan ini, Yang Berhormat itu telah menarek perhatian Dewan terhadap sabda DYTM Paduka Seri Begawan Sultan yang bermaksud Laila Adat Istiadat

ada-lah sa-bahagian dari kebudayaan yang biasa-nya di-amalkan dan menjadi kebanggaan oleh sa-sebuah negara.

Ini lebeh2 lagi negara kita yang sedia laila subur dengan adat-istiadat dan kebudayaan. Apa yang merupakan kebudayaan itu ada-lah terkandung dalam pengertian adat, diperistiadatkan. Brunei dalam soal ini kata-nya, ia-lah sa-buah negara yang tua, yang cukup indah dalam sejarahnya, mempunyai adat-istiadat yang rapus laila terator.

Menurut pendapat DYTM Paduka Seri Begawan Sultan bahawa adat atau adat-istiadat atau majlis beristiadat ada-lah mengandungi adat, jadi kata Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja, ada-lah jelas bahawa kita boleh berbangga dengan kebudayaan kita itu apa lagi di-saat kita menchapai kemerdekaan. Di-sini Yang Berhormat itu menyeru supaya sumbangan2 bakti ka-arah itu akan dapat diperbuat dengan berkesan.

Mengakhiri hujah2-nya Yang Berhormat itu juga mengulas berhubung dengan banyak-nya pemborong2 luar negeri di-negeri ini dan untuk mengatasi masalah demikian beliau menghorkan kepada pemborong2 bumiputera supaya mengadakan perundingan2 dengan pehak2 berkenaan untuk menchari-jalan pada mengujudkan pemborong2 tempatan yang dapat menyanyi pemborong2 luar negeri itu.



KELIHATAN YB. Pehin Begawan Khatib Dato Seri Utama Haji Metali, ahli yang baru di-lantek (nombor dua dari kanan) ketika mengangkat sumpah, YB. Pehin Datu Singamenteri Awang Ariff bin Mujun (kanan), YB. Malai Haji Mashor, YB. Dato Paduka Awang Haji Othman dan YB. Orang Kaya Pekerma Dewa Lukan.

Pertahankan suasana aman

AHLI Yang Berhormat yang di-lantek Begawan Pehin Khatib Dato Seri Utama Haji Metali bin Md Yassin sa-orang ahli baru yang telah mengangkat sumpah pada pagi sadelum persidangan itu di-mulakan perasmian-nya telah juga turut memberikan hujah beliau bagi menyukong usol Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Dalam menyampaikan

hujah di-Dewan tersebut, Yang Berhormat itu berpendapat, bahawa keseluruhan titah Baginda Yang Dipertuan itu bukan sahaja di-tujukan kepada ahli2 Dewan bahkan juga kepada seluruh raayat Brunei supaya menyedari betapa hasrat Baginda untuk kesejahteraan dan kebahagiaan negara dan raayat.

Yang Berhormat itu menyeru raayat supaya

akan sama2 berdo'a dan berusaha untuk mempertahankan suasana yang aman dan tenteram agar hari kemerdekaan yang ditunggu2 itu akan tiba tanpa sebarang gundala. Salah satu di-antara chara kita untuk pemerlihaan itu jelas Yang Berhormat ia-lah dengan sikap mengelakkan negeri dan raayat dari sebarang anasir2 yang tidak di-ingini.

BRUNEI FORTUNATE DUE TO STRONG ECONOMY, POLITICAL STABILITY

BANDAR SERI BEGAWAN.—Strong economy and political stability had again steered Brunei out of a troubled world.

This was disclosed by the hon'ble State Financial Officer, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee, in his budget speech on the third day of the current session of the Legislative Council at the Dewan Majlis here.

Pehin Dato Lee said: "The present year has been notable for the slow economic recovery of the developed countries of the world, wrestling as they are in different ways with the problems of inflation, trade balances and fluctuating exchange rates".

"Without the impetus which such resurgence would promote the developing countries are facing greater trade and budget deficits, aggravated by decreased amounts of foreign aid and policies of protectionism against their primary products".

Legco approves budget for 1979

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Legislative Council after a thorough debate last week unanimously approved the budget estimates for 1979 totalling B\$1,048,014,497.00.

The sum included B\$100 million for the Development Fund and B\$73,356,974.00 for miscellaneous services.

The other big receipts were Education B\$92,540,978.00; Public Works B\$83,176,502.00; Medical and Health B\$40,609,839.00; Electrical B\$39,299,110.00; Religious Affairs B\$25,390,407.00; Radio Television B\$16,243,417.00; Prisons B\$16,194,428.00; Establishment B\$15,737,561.00; Civil Aviation B\$12,910,733.00; Municipal B\$12,673,608.00; Telecoms B\$12,404,491.00; District Offices B\$8,213,613.00; Agriculture B\$7,665,473.00; State Secretariat B\$5,158,690.00 and Fire Brigade \$4,932,475.00.

Nineteen other departments received amounts ranging from B\$3.9 million to just over B\$1 million while seven others were allocated under B\$1 million each.

The State Financial Officer, Pehin Orang Kaya Khazanah Negara Laila Diraja Dato Laila Utama Awang John Lee who introduced the Supply Bill also tabled a separate resolution to apply a sum of B\$183.6 million from the Development Fund for various departments and services.

"In addition to the economic difficulties the political unrest in Africa, the Middle and Near East and parts of the Far East has been a further deterrent to the orderly economic growth desired by all countries".

He continued: "In such a troubled world, we in Brunei have been fortunate in being able to take advantage of our sound and favourable economy and to proceed with the implementation of past plans and the study of new ones leading to improved and enhanced Government services, against a stable political background".

The State Financial Officer said following arrangements which were finalised early in the year, the Government now participates in all faces of the oil and gas industry in Brunei and shares in the taking of decisions at Board level.

Crude oil production averaged around 230,000 barrels a day during the year and this would likely be maintained next year.

"Oil and gas sales are based on the American dollar and although fluctuations in that currency affect the Brunei revenues, it is anticipated that in 1979 further increases in prices will be obtained and revenue from this source in Brunei dollar terms will be at similar level to that of the present year."

He said Brunei enjoyed a large balance of trade surplus arising from the exports of oil and gas and the prevailing high prices for such forms of energy.

During the first six months of this year total exports amounted to B\$2,060 million whereas imports for the same period totalled B\$301 million.

Pehin Dato Lee said expenditure this year had proved to be less than was estimated and the balance standing to the credit of the Consolidated Revenue Account CRA at December 31 would be B\$6,649 million, B\$266 million more than was anticipated.

In 1979, he said, revenue was expected to come to B\$2,386 million and expenditure B\$979 million giving a revenue surplus of B\$1,407 million.

A contribution of B\$100 million would be made to the Development Fund so

that the balance standing to the credit of the CRA at December 31 of that year would be B\$7,956 million.

Turning to development Pehin Dato Lee said the present five-year plan from 1975 to 1979 originally envisaged the spending of B\$500 million and this was subsequently increased to B\$700 million and then to B\$760 million. The latest re-assessment of requirements necessitated an increase to B\$790 million.

Development expenditure for this year was likely to add up to B\$108.8 million, instead of B\$208.4 million set aside last year.

The balance in the Development Fund at the close of the year would be B\$160.5 million.

As was mentioned earlier, a sum of B\$100 million would be transferred to the Fund next year during which expenditure had been estimated at B\$183.6 million. The balance in the Fund at 31 December 1979 would therefore be B\$76.9 million.

Earlier in his speech, Pehin Dato Lee told the Council that the Government continued to subsidise public utilities and services.

"In addition gasoline, diesel fuel and kerosine are sold to the public through service stations at subsidised prices and rice is imported by the Government and sold to retailers at a fixed price", he said.

Pehin Dato Lee said through the Price Control Enactment a continuous surveillance of the prices of essential commodities was maintained.


By these means and by continuing to keep Government spending within the parameters determined by the intention to develop the State for the financial and economic good of all, it had been possible to keep inflation within acceptable limits.

The full text of Pehin Dato Lee's speech will be published in the PELITA as from next week.—Editor.

Further cuts in water supply

BANDAR SERI BEGAWAN.—Water supply in the Brunei-Muara District has been further cut following the recent dry spell.

The Water Section of the Public Works Department announcing the in-



Second annual camping

BANDAR SERI BEGAWAN.—Three hundred of the five hundred cadets from thirteen schools in the four districts will take part in the second annual

camping to be held at Sungai Penyatang, Mile 33 Jalan Tutong from December 24 to 31.

The cadets, some of them girls, will be divided into two groups of one hundred and fifty each.

Each group will camp for three nights and will be accompanied by Reserve Unit personnel, cadet corps officers and instructors from the Police Training Centre in Jalan Muara.

The first annual camping was held at Jerudong last June.

Seminars

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Brunei Shell Marketing Company last Wednesday organised a one-day seminar for some twenty owners and managers of service stations.

The seminar, the first of its kind organised by the Company, was part of a long-term programme to improve the standard of service safety and management of service stations in the State.

The Director of the Economic Planning Unit, Dayang Hajjah Jusnani binte Haji Lawie, in her address at the opening ceremony, among other things, said she believed that the seminar would benefit both the participants and the public.

Another seminar of a different kind was also held last week. It was for about twenty engineers and senior officers of the Public Works Department.

The two-day seminar on management was held at the Training Centre of the Establishment Department here.

It was organised by the Public Works Department and conducted by an officer of the Brunei Shell Petroleum Company.

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Royal Brunei Police Force last week held its Annual sports meeting at the SMJA Secondary Malay School padang here.

About two hundred personnel from fifteen police divisions took part in the day-long meet which was organised by the Police Sports Council.

The Assistant Commissioner of Police, Yang Amat Mulia Pengiran Putera Negara Pengiran Omar bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apang declared the meet open.

Prizes were presented to the winners by the Commissioner of Police, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin

THE Tutong District Officer, Awg Haji Yahya bin Haji Harris, presenting the baton to Recruit 1896 Ibrahim bin Damit, who was the best all-round recruit in a group of twenty-eight male recruits of the Royal Brunei Police Force who passed out of the Police Training School in Jalan Muara at a parade marking the end of their six months training last Saturday.

Extra flights to the Philippines

BANDAR SERI BEGAWAN.—The Royal Brunei Airlines is to provide extra-services to the Philippines over the Christmas period.

The scheduled flights are already fully booked, so Royal Brunei will operate two extra services on December 23 and December 30.

Annual sports

Pengiran Haji Rajid. At Anggerek Desa, a few miles from here, the annual inter-school swimming competition was also held on that day.

More than two hundred competitors from twenty schools and colleges took part in the twenty-eight events.

The Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Mokhtar Puteh bin Pengiran Haji Rajid presented the prizes to the winners.

Three take PT course in HK.

BERAKAS CAMP.—Three officers of the Royal Brunei Malay Regiment here left last week for Hong Kong to attend a physical training course at the Physical and Adventure Training School.

They were Lieutenant Awangku Hashim bin Pengiran Wahid, Corporal Asut bin Punggut and Corporal Hakim bin Haji Tajuddin.

KEKAYAAN ITU ADALAH NEKMAT DAN RAHMAT ALLAH

Bingkisan minggu ini

ADA-LAH sa-bahagian besar dari tenaga dan usaha manusia itu di-gunakan untuk menchari harta dan kekayaan. Dalam Islam, menchari kekayaan itu tidak-lah salah, bahkan di-suroh. Tetapi sungguh pun begitu, kekayaan yang diperolehi itu jangan-lah pula menjadikan seseorang bongkak dan sombong, atau menyebabkannya lalai untuk melaksanakan perintah2 Allah.

Orang yang memileki harta harus-lah menginsafi bahawa kekayaan itu tidak lain dari nekmata dan rahmat Allah Ta'ala jua. Oleh sebab itu, sesiapa yang memileki-nya hendaklah menchari jalan bershukor kepada-Nya. Salah satu jalan bershukor itu ia-lah dengan chara kemurahan tangan atau membelanjakan-nya di-jalan Allah.

Ini-lah satu2-nya chara pula menchari keredhaan-Nya. Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 261 yang bermaksud: "Perumpamaan orang2 yang membelanjakan harta-nya di-jalan Allah, ada-lah serupa dengan sa-butir benih yang menumbuhkan tujuh butir. Pada tiap2 satu butir, sa-ratus biji. (Demikian-lah) Allah melipat-gandakan ganjaran bagi sesiapa yang di-kehendaki-Nya. Dan Allah itu Maha luas kornia-Nya lagi maha mengetahui".

Pada beberapa hari yang lepas, kita telah menyambut hari raya Aidil Adha atau disebut juga hari raya korban. Semenjak beberapa tahun kebelakangan ini, umat Islam di-negeri ini telah me-

Memelok Ugama Islam

SA-ORANG pemuda Iban berasal dari Sibuti, Sarawak, Kaing anak Ukang, 18 tahun, telah memelok Ugama Islam pada 13hb Disember bertempat di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri.

Ia kini di-kenali sa-bagai Morshidi bin Abdullah. PengIslamannya telah di-sempurnakan oleh Awangku Abu Bakar bin Pengiran Haji Sarifuddin, sa-orang pegawai di-jabatan tersebut.

meriahkan hari raya ini dengan ibadat korban. Pada tahun lepas mithal-nya, di-Kampung Bunut, orang2 Islam di-sana berkorban 10 ekor lembu, dan pada tahun ini sebanyak 12 ekor. Sementara di-kampung2 yang lain juga tidak ketinggalan, atau sekurang2-nya berhasrat untuk memulakan pekerjaan korban itu pada tahun2 yang akan datang, sa-bagai ibadat yang menambahkan lagi meriah-nya hari raya Aidil Adha yang mulia ini.

Tujuan ibadat korban ia-lah untuk menghampirkan diri kepada Allah, sa-bagaimana asal-nya di-tauladankan oleh Nabi Allah Ibrahim dan anak-nya Nabi Ismail a.s. Ia hendaklah dari bintang2 yang paling kita sayangi. Tidak boleh berkorban dengan binatang2 yang chachat dan chela, sebab berkorban itu suatu pekerjaan yang suci yang bermakna bagi menghampirkan diri kepada zat yang maha suci, maha bersih dan maha sempurna.

Di-dalam hadith Rasulullah banyak di-sebut berkenaan keutama2 berkorban ini. Di-antara-nya hadith daripada Abu Saidat khudri r.a. riwayat Al-Baihaqi yang bermaksud: "Bahawa Rasulullah s.a.w. pernah bersabda kepada Fatimah r.a.: Bangun-lah, saksikan-lah korban



mu itu, sesungguhnya titek pertama dari darah korban yang menitis itu, di-ampuni dosa mu yang telah lalu."

Hadith lain riwayat Al-Baihaqi juga daripada Aisah r.a. dari Nabi s.a.w. Baginda bersabda yang erti-nya: "Berkorban-lah kamu dengan hati yang bersehat dan tulus ikhlas, sesungguhnya tiap2 muslim yang menghadapkan sembelihan-nya ka-arrah kiblat, maka darah-nya, kotoran-nya dan bulunya itu ada-lah kebajikan (memberatkan) pada timbangan-nya di-hari kiamat".

Demikian-lah wahai kaum muslimin, keutamaan2 pekerjaan korban di-sisi Allah s.w.t. Kerana itu-lah bila mana ia telah mula menjadi amalan masyarakat kita, kita bershukor dan merasa amat gembira, sebab suatu chara bertakarub kepada Allah, yang di-suroh kita melakukannya, telah kita pegang dan mula serentak menjalankan-nya. Mudah2an keadaan ini akan berterusan di-samping menambahkan lagi dekat dan ingat kita kepada Allah, juga kesan-nya kepada kepentingan silaturrahim dan masyarakat umat Islam yang patut di-ambil berat dari masa ka-masa. Ibadat berkorban chukop mengajar kita dalam perkara2 sa-umpama ini.

MENYEMPURNAKAN hajat sa-seorang ada-lah suatu tugas yang mesti di-tunaikan dan tidak-lah boleh di-abai2kan serta di-lambatkan, lebe2 lagi bilamana sesuatu hajat itu di-perlukan, sebab hajat itu merupakan sa-bagai satu usaha bagi mencapai serta meninggikan taraf hidup di-dunia ini. Ugama Islam menganjurkan pemelok2-nya berusaha dalam apa jua bidang dan lapangan kehidupan selagi ia-nya tidak berlawanan dengan hukum2 Allah s.w.t. dan tidak mengambil hak2 orang lain, sa-balek-nya Allah melarang kita berpelok tuboh dengan hanya menantikan yang bulat datang menggolek dan yang pipih datang melayang.

Berdasarkan sa-buah hadith Nabi Muhammad s.a.w. yang di-riwayatkan oleh Abu Daud dan At-Tarmizi; Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang maksud-nya kira2: "Siapa yang di-serahkan oleh Allah, mengator kepentingan kaum muslimin, kemudian ia sembunyi dari hajat kepentingan mereka, maka Allah akan menolak hajat kepentingan-nya pada hari kiamat."

Dari keterangan maksud hadith tersebut, dapat-lah kita simpulkan kepada beberapa pengajaran; a) antara-nya menyempurnakan hajat sa-seorang ada-lah sangat2 di-anjorkan, terutama k a p a d a orang2 yang bertanggong-jawab bagi melaksanakan hajat sa-seorang supaya dapat menyempurnakan hajat itu mengikut kepentingan-nya sa-lama ia-nya tidak bertujuan jahat dan merosakkan orang lain.

b) Menyembunyikan dan melambatkan hajat ketika ia-nya sangat2 di-perlukan ada-lah suatu perbuatan yang boleh di-sifatkan sa-bagai satu pengkhianatan dan tidak bertanggung-jawab.

Menyempurnakan hajat sangat2 di-anjorkan

c) Hajat yang dimaksudkan oleh hadith yang tersebut ada-lah sa-chara umom, tetapi tidak-lah termasuk sesuatu hajat yang melanggar batas2 Ugama Islam dan yang boleh mengambil hak2 orang lain.

Dalam Islam banyak perkara2 yang di-larang kita melakukan-nya; umpamanya merampas hak2 orang lain, sombong, hasad dengki, bermasam2 muka, hasut menghasut, pileh kaseh dan sa-bagai-nya. Sa-balek-nya, Allah menganjurkan berbagai2 chara untuk mendapat keredhaan-nya, dengan di-suroh kita melakukan dan memelihara diri daripada berjangkit-nya

hasad dengki, merampas hak milek sa-seorang, kerana kebanyakan mendatangkan dan menimbulkan permusohan; umpamanya kita di-larang meminang atas pinangan orang lain; tentu-lah larangan-nya itu mengandungi hikmat dan kelebihan yang tersembunyi, apa yang jelas kepada kita ia-lah boleh menimbulkan pergaduhan di-kalangan sa-sama kita; begitu-lah juga hal-nya dengan perkara2 lain yang di-suroh supaya kita menjauhi-nya. Ingat-lah wahai kaum muslimin barang siapa yang menyembunyi diri atau melambatkan hajat sa-seorang, maka di-akhirat nanti dia akan menerima balasan yang serupa dengan yang di-lakukan-nya.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 20hb Disember, 1978 hingga ka-hari Selasa 26hb Disember, 1978 ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
20hb Dis.		12.23	3.42	6.18	7.33	4.49	5.04	6.22
21hb Dis.		12.26	3.45	6.21	7.36	4.52	5.07	6.25
22hb Dis.		12.26	3.45	6.21	7.36	4.52	5.07	6.25
23hb Dis.		12.26	3.45	6.21	7.36	4.52	5.07	6.25
24hb Dis.		12.26	3.45	6.21	7.36	4.52	5.07	6.25
25hb Dis.		12.26	3.45	6.21	7.36	4.52	5.07	6.25
26hb Dis.		12.28	3.47	6.24	7.39	4.54	5.09	6.27

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.



SA-RAMAI 15 orang guru kelas perdagangan yang mengajar trengkas dan menaip bagi kumpulan ketiga telah berjaya menamatkan kursus bimbingan untuk mereka yang telah berjalan sa-lama kira2 10 minggu. Kursus bimbingan tersebut yang di-anjorkan oleh Bahagian Pelajaran Dewasa, Jabatan Pelajaran telah bermula pada pertengahan Februari yang baru lalu di-mana sa-ramai 30 orang guru yang lain telah juga menamatkan kursus mereka dalam dua kumpulan yang awal. Kumpulan guru2 yang ketiga ini telah mengadakan majlis perpisahan mereka pada awal Disember yang baru lalu bertempat di-SM. Pusu Ulsk (gambar ehshan Awang Ismail).

Pegawai Pemerintah Angkatan Laut baru

SATU perbarisan yang diambil bahagian oleh anggota Pasukan Angkatan Laut Pertama AMDB telah diadakan pada pagi Khamis yang baru lalu di-padang kawat pasokan itu.

Perbarisan itu ada-lah sa-bagai mengalu2kan kedatangan Pegawai Pemerintah Angkatan Laut yang baru, Lt. Kol. T. Wilts yang menggantikan Lt. Kol. David Wright yang akan bertugas sa-bagai Penasehat Angkatan



Laut di-Markas Pasokan AMDB Perkhemahan Berakas awal Januari depan.

Lt. Kol. T. Wilts yang telah sampai dari UK tiga bulan yang lalu telah mula menjalankan tugasnya sa-bagai Pegawai Pemerintah

Angkatan Laut dalam pertengahan Nobember lepas.


Dalam perbarisan pagi itu, beliau telah memeriksa perbarisan dan kemudian menerima tabek hormat berjalan lalu dari anggota2 pasokan itu.

Berucap di-perbarisan itu, Lt. Kol. T. Wilts telah menasehatkan anggota pasokan itu yang berhajat hendak meninggalkan pekerjaan mereka sa-bagai anggota askar supaya memikirkan sa-dalam2nya

dan berharap mereka akan terus menjadi askar.

Lt. Kol. T. Wilts seterusnya berikrar yang beliau akan berusaha untuk memajukan lagi pasokan tersebut sepanjang perkhidmatan-nya nanti.

KELIHATAN dalam gambar2 ini Lt. Kol. T. Wilts menerima tabek hormat berjalan lalu (atas), memeriksa perbarisan dari pasokan pengawal (bawah kiri) dan anggota pasokan yang mengambil bahagian dalam perbarisan tersebut.



Rekrut Polis tamat latihan

JALAN MUARA. — Sa-ramai 28 orang rekrut Pasukan Polis Diraja Brunei

bagi pengambilan yang ketiga 1978 telah menjalani perbarisan tamat latihan

mereka pada hari Sabtu yang baru lalu sa-telah berjaya mengikuti kursus yang di-mulakan pada 4hb Jun lepas.

Rekrut tersebut telah menjalani perbarisan itu di-hadapan Awang Haji Yahya bin Haji Harris, Pegawai Daerah Tutong selaku pegawai yang memeriksa perbarisan dan menerima tabek hormat yang telah di-langsungkan di-padang kawat Pusat Latihan Polis di-sini.

Perbarisan yang juga di-hadiri oleh pegawai2 kanan pasokan itu dan keluarga rekrut2 tersebut telah di-ambil bahagian oleh empat unit pasokan berkenaan ia-itu anggota dari Kompeni 'A' dan 'B' Unit Pasokan Simpanan dan rekrut2 pengambilan ke-empat 1978 yang masih menjalani latihan asas dan akan menamatkan latihan

mereka pada pertengahan Mach depan.

Sa-ramai tiga orang rekrut pengambilan yang ketiga itu telah terpilih sa-bagai terbaik sa-panjang mengikuti kursus. Rekrut terbaik Dalam Semua Jurusan di-sandang oleh Rekrut 1566, Ibrahim bin Damit.

KELIHATAN dalam gambar2 ini Awang Haji Yahya ketika menyampaikan hadiah kepada Rekrut 41, Jarid bin Tengah yang terbaik dalam Undang2 dan Pekerjaan Polis (gambar atas kiri) manakala gambar atas kanan, Pegawai Daerah Tutong memeriksa perbarisan dari pasokan yang mengambil bahagian yang terdiri dari anggota Unit Pasokan Simpanan, Gambar sa-belah kiri memperlihatkan barisan anggota rekrut tamat latihan sedang berdiri dengan segak-nya dan gambar sa-belah kanan penyampaian hadiah kepada Rekrut 1340, Awang bin Metali yang terpilih sa-bagai terbaik dalam Kawad, Kawad Rusohan, Latihan Senjata dan Latihan Jasmani.



RANCHANGAN TV MINGGU INI

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.

RABU - 20HB. DIS.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 STAR TREK — "Shore Leave"
- 6.18 AZAN MAGHRIB
- 6.22 STAR TREK — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 THE PAPER CHASE — "Great Expectations" Meneruskan siri ini mengenai kehidupan di-sebuah Sekolah Undang2 Amerika.
- 7.33 AZAN ISHA
- 7.37 THE PAPER CHASE — sambongan
- 8.00 BEWITCHED — "I Confess"
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT.
- *9.15 SHOW OF THE WEEK — "Shirley Bassey Special"
- 9.55 PERLAWANAN GUSTI
- 10.55 SIARAN TAMAT.

KHAMIS - 21HB. DIS.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 VALLEY OF THE DINOSAURS "Top Cave, Please"
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.25 VALLEY OF THE DINOSAURS — sambongan
- 6.30 DR WHO — "The Sontaran Experiment" — Bahagian pertama.
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 HOW THE WEST WAS WON
- 7.36 AZAN ISHA
- 7.40 HOW THE WEST WAS WON — sambongan

- 8.00 HIDAYAT
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 LAPORAN MAJLIS MASHUARAT.
- *9.15 DOKUMENTARI MELAYU — "Land of the Sea" Filem ini menjelajah daerah Nova Scotia di-Kanada yang indah dengan mengikuti sungai kecil yang menuju ka-lautan, di-mana keindahan penggambaran memperlihatkan pasang-surut Minas Basin dan berbagai kehidupan di-laut.

- 9.45 TAYANGAN FILEM MELAYU
- 11.45 SIARAN TAMAT.

JUMAAT - 22HB. DIS.

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 AL-KESAH
- 5.45 CLOPPA CASTLE — "Off Duty"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.25 SAYANG ADEK-KU SAYANG — sambongan
- 6.30 THE MUPPETS
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 TELEMATCH
- 7.36 AZAN ISHA
- 7.40 TELEMATCH — sambongan
- 8.00 ODD MAN OUT — "Ooh La La" Sudah tiba waktu-nya bagi kilang itu membuat keuntungan — dan Neville kepingin sekali untuk pergi ka-Eropah. Ranchangan terakhir dalam siri ini.
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 THE DAVID NIXON MAGIC SHOW
- 9.30 QUINCY — "A Question of Time"
- 10.20 NIGHT GALLERY — "Midnight Never Ends"
- 11.10 SIARAN TAMAT.

SABTU - 23HB. DIS.

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 THE LOST ISLAND — "Angry Mountain"
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 SESAME STREET
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.25 SESAME STREET — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 DOCTORS' HOSPITAL — "Swan Dive" Sa-orang polis wanita yang mengidap penyakit tumbukan di-otak yang menyebabkan ia menembak sa-orang pegawai polis, enggan untuk memperchayai bahawa ia mengidap penyakit yang perlu di-bedah.
- 7.36 AZAN ISHA
- 7.40 DOCTORS' HOSPITAL — sambongan
- 8.00 GURAU SENDA
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 STARSKY AND HUTCH — "Partners"
- 9.35 PREMIER SOCCER

- 10.25 BALLET: "The Nutcracker Suite" Tarian klasik ballet yang di-padankan dari salah sa-buah kisah yang terkenal dari "Tales of Hoffman". Sa-orang gadis kecil, Mascha, menerima sa-biji Nutcracker yang ajaib. Ranchangan ini di-persembahkan oleh Bolshoi Ballet Company.
- 11.55 SIARAN TAMAT.

AHAD - 24HB. DIS.

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
- 5.16 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
- 5.30 CHOMAT DAN CHOMEL — "Kolam2"
- 5.45 DAISY DAISY
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 T'WAS THE NIGHT BEFORE CHRISTMAS.
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.25 T'WAS THE NIGHT BEFORE CHRISTMAS — sambongan
- 6.30 THE ADVENTURES OF BLACK BEAUTY — "The Debt"
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 PROJECT U.F.O.
- 7.36 AZAN ISHA
- 7.40 PROJECT U.F.O. — sambongan
- 8.00 THE DICK EMERY CHRISTMAS SHOW
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 THE MORECAMBE AND WISE CHRISTMAS SHOW
- 9.45 ANNA KARENINA — Episod kesepuluh
- 10.40 THE SPINNERS AT CHRISTMAS
- 11.30 SIARAN TAMAT.

ISNIN - 25HB. DIS.

PETANG

- 3.00 PEMBUKAAN
- 3.02 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA
- 3.15 THE ADVENTURES OF ROBIN HOODNIK
- 4.00 CIRCUS OF THE STARS
- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 TREASURE ISLAND — Bahagian kedua
- 6.21 AZAN MAGHRIB
- 6.25 TREASURE ISLAND — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- MALAM
- 7.10 BING CROSBIE'S MERRIE OLDE CHRISTMAS
- 7.36 AZAN ISHA
- 7.40 BING CROSBIE'S MERRIE OLDE CHRISTMAS — sambongan
- 8.00 ARE YOU BEING SERVED? "Christmas Crackers"
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 HER MAJESTY THE QUEEN'S CHRISTMAS MESSAGE
- 9.05 THE GENERATION GAME
- 10.10 THE SILVER JUBILEE ROYAL VARIETY GALA
- 12.45 SIARAN TAMAT.

SELASA - 26HB. DIS.

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
- 5.46 KORAN DAN KESIMPULAN MAANA-NYA



SHOW of the Week minggu ini dengan persembahan bintang nyanyian antarabangsa Shirley Bassey membawa beberapa buah lagu2-nya yang terbaharu dengan pakaian2-nya yang indah berkilauan, persembahan solo-nya ini begitu mengagumkan dengan hanya dibantu oleh Nigel Lythgoe Dancer dan sa-buah Orkestra yang mengandungi 35 orang ahli muzik. Shirley Bassey akan dapat di-saksikan pada malam ini jam 9.00 malam.

- 5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
- 6.00 RENGKASAN BERITA
- 6.02 THE SNOW QUEEN
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.28 THE SNOW QUEEN — sambongan
- 6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — "Death Surf"
- 7.39 AZAN ISHA
- 7.43 NANCY DREW AND THE HARDY BOYS MYSTERIES — sambongan
- 8.00 SERIKANDI
- 8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
- 8.45 THE CARPENTERS' CHRISTMAS SPECIAL
- 9.35 THE PROFESSIONALS — "Klansman" Sa-orang pegawai kulit hitam diserang oleh sa-kumpulan lelaki yang memakai pakaian serba putih. Cowley tidak menyukai apa2 bentuk persembahan bangsa dan mengarahkan Bodie dan Doyle untuk menyasiat.
- 10.25 DOCUMENTARY — World of Survival "The World You Never See" Ranchangan ini memperlihatkan melalui mikroskop dunia binatang2 yang hidup dalam sa-titek aver garam. Juga serangga2 yang menakjubkan, dan kita melihat dunia tersebunyi perkembangan kehidupan — misteri2 embryo di-dalam sa-biji telur.
- 11.15 SIARAN TAMAT.

* Bergantung kepada perbincangan Majlis Mashuarat.



ASHLEY Knight yang berlakon sa-bagai Jim Hawkins yang membintangi siri pengembaraan yang mengandungi empat bahagian Treasure Island yang di-petek dari kelasik sastera Robert Louis Stevenson. Siri ini akan dapat awda tunton pada hari Isnin jam 6.02 petang.

RANCHANGAN2 ISTIMEWA UTK KERISMAS

The Spinners At Christmas



THE Spinners mengembara ka-seluruh dunia mempersembahkan folk muzik mereka yang tidak ada tolok bandingnya, tetapi pada sa-tiap Kerismas mereka pulang ka-kampung halaman mereka di-Liverpool untuk mengucapkan terima kasih kepada peminat2 mereka yang setia di-Philharmonic Hall di-bandar tersebut.

Tony Davis, Mick Groves, Hugh Jones dan Cliff Hall—di-iringi oleh John McCormick dengan double bass-nya—mengetuai kumpulan ini dalam ranchangan yang mengandungi lagu2 istimewa dari beberapa buah tempat yang telah mereka lawati di-seluruh dunia. Lagu pembukaan mereka mengikut tradisi bertajuk "Shalom Chaverim" dan diikuti pula dengan nyanyian2 carol dari Eropah dan Hindia Barat yang termasuk "Silent Night". Sa-lepas lagu yang membangkitkan perasaan "The Twelve Days of Christmas", the Spinners menamatkan persembahan mereka dengan lagu "We Wish You A Merry Christmas" sesuai dengan waktu-nya. Ranchangan ini akan dapat di-saksikan tayangan-nya pada hari Menjelang Kerismas jam 10.40 malam.

RANCHANGAN2 UNTOK 24HB DISEMBER

The Morecambe and Wise Show

DUA orang pelawak talivishen yang terkenal dengan pertunjukan mereka yang sungguh istimewa akan dapat di-saksikan pada hari Kerismas ini. Pertunjukan ini di-mulakan dengan adegan yang mengharukan—bertukar2 hadiah Kerismas diantara para bintang2.

Kemudian-nya mereka memutuskan untuk menyanyi dalam paduan suara dan untuk ini mereka memerlukan sa-orang pengiring. Elton John memainkan piano untuk mereka tetapi Eric Morecambe dan Ernie Wise tidak begitu tertarik hati dengan kebolehan mereka. Kasehan sungguh bagi Elton yang hampir2 memutuskan untuk menarek dirinya dari bidang muzik. Tetapi Elton sungguh bernasib baik, satu persembahan solo-nya kemudian dalam ranchangan ini memulehkan semangat-nya kembali.

Sa-buah drama Perang Dunia I ada-lah lakunan untuk malam ini. Usaha2 Eric dan Ernie untuk mengalahkan musuh berjaya menghalang kedua2 pehak British dan Jerman. Tetamu2 undangan dalam drama ini ada-lah John Thaw dan Dennis Waterman dari siri "The Sweeney". Turut mengambil bahagian dalam ranchangan ini ia-lah penyanyi jazz Marion Montgomery dan kumpulan penyanyi the Nolans.



MORECAMBE dan Wise dengan tetamu istimewa Elton John (kiri) akan dapat di-saksikan pada hari Ahad 24hb Disember jam 8.45 minit malam.



GAMBAR kiri: Stuart Wilson, Nicola Pagett dan Eric Porter yang membintangi episod terakhir dalam drama Anna Karenina. Jangan lupa menyaksikan kemunchak cerita yang penoh trajik ini pada 24hb Disember jam 9.45 malam.

Gambar atas kanan pula menunjukkan Dick Emery dan Pat Coombs dalam The Dick Emery Christmas Show yang akan dapat di-saksikan pada 24hb Disember jam 8.00 malam.

Ranchangan2 untuk 25hb Disember

HARI Kerismas menjelang tiba dan kakitangan Grace Brothers telah di-arahkan menghadhiri satu meshuarat pada awal pagi bagi merancang untuk menentukan bagaimana cara yang terbaik untuk menarek hati pembeli2 untuk mengeluarkan wang mereka. Mereka menghadhiri-nya tanpa banyak bichara; tetapi chadangan2 mereka kurang mendapat sambutan. Menaruh sa-rumpun kecil pokok holly dalam pakaian baju dalam, seperti yang di-chadangkan oleh Mrs Slocombe, tentu sekali akan memeranjatkan para pelanggan—tetapi adakah ini baik bagi perniagaan mereka?

Hidangan tengahari pada hari Kerismas—yang di-lakukan sa-minggu sa-belum dua-puluh lima hari bulan—merupakan satu benchana, yang mana ada-lah lebeh elok di-biarkan ayam turki itu begitu sahaja dan brandy yang tidak di-nyalakan bagi kueh pud-

ding. Mr Grace yang muda mengilhamkan atorchara sambutan Kerismas—wanita2 dan lelaki2 penjual hendak-lah memakai pakaian2 berhias. Miss Brahms sebagai bidadari; Mr Lucas sebagai Long John Silver. Tetapi Kapten Peacock sebagai snowman dan Mr Grainger sebagai Humpty Dumpty tidak menyukai peranan2 yang mereka pegang, dan Mrs Slocombe begitu merosakkan achara sebagai Robin Hood. Dan tentu sekali Mr Humphries ada-lah merupakan bintang dalam achara ini—mengalahkan kesemua mereka dengan pakaian-nya yang indah sebagai Prince Charming.

GAMBAR kiri menunjukkan Wendy Richard sa-bagai Miss Brahms, John Inman sa-bagai Mr Humphries dan John Thornton sa-bagai Kapten Peacock dalam Are You Being Served yang akan di-tayangkan pada hari Kerismas jam 8.00 malam.

Bing Crosby's Merrie Olde Christmas

SATU persembahan istimewa selama satu jam di-mana Bing Crosby bersama2 isteri-nya Kathryn, anak perempuan-nya Mary Frances dan anak2 lelaki-nya Harry dan Nathaniel, membawakan untuk para penonton muzik dan komedi yang sungguh menarek.

Tetamu2-nya termasuk-lah pelawak Stanley Baxter, penyanyi David Bowie dan lain2 nama yang terkenal seperti si-jelita Twiggy dan pelakon Ron Moody.

Saksikan-lah tayangan-nya pada hari Kerismas jam 7.10 malam.



The Silver Jubilee Royal Variety Ga



JULIE Andrews (kiri) munchol dalam Silver Jubilee Royal Variety Gala bersama2 dengan The Muppets, Kermit the Frog dan rakan-nya Fozzie the Bear bersama2 dengan lain2 Muppets menyanyi dan menari untuk awda penunton sekalian pada hari Kerismas jam 10.00 malam.



PERTUNJOKAN Aneka-rama Di-Raja ini merupakan kemunchak dari hiburan yang ternama terbang dari empat penjuru alam untuk memberikan persembahan mereka di-hadapan Keluarga Di-Raja di-London Palladium, memberikan perkhidmatan mereka sechra perchuma semata2 untuk membuat amal. Pertunjukan ini ada-lah lebeh2 lagi istimewa kerana ia-nya bersempena dengan sambutan Jubli Perak pemerintahan Queen Elizabeth ka-II. Ia-nya telah di-hadiri oleh Baginda Queen, the Duke of Edinburgh dan Putera Charles. Pada hari Kerismas jam 10.00 malam, awda penunton akan berpeluang menyertai penunton2 yang istimewa ini yang telah membayar \$400 bagi satu tempat duduk.

Bintang2 undangan termasuk-lah The Muppets—Kermit yang chomel bersama rakan2-nya, menyanyi dan menari untuk awda penunton. Rudolf Nureyev, penari ballet terkemuka juga menari untuk awda, dengan pasangan-nya penari ballet berbangsa Jepun yang mempesonakan Yoko Morishita. Ceo Laine membawakan lagu2 yang sungguh indah, di-iringi oleh pemain gitar handalan John Williams dan juga oleh suami-nya John Dankworth yang bermain saxophone. Lain2 penyanyi dalam pertunjukan ini termasuk-lah Paul Anka, Harry Belafonte dan Julie Andrews yang menawan hati. Kumpulan "The Brotherhood of Man" menyanyikan lagu mereka yang terkenal "Angelo"! Tetamu2 di-perkenalkan oleh juruachara Bob Hope.

Treasure

PADA hari Kerismas jan kan-lah tayangan selanjutnya sa-buah bilek. D pan sa-buah peta yang pulau yang terletak jauh mana ada tertanam har minta bapa Jim untuk pulau ini, tetapi nasib ya halang pemergian mereka dan Bones terkandas itu. Sa-kumpulan raka yang ganas, di-ketuai jahat, menyerbu rumah berazam untuk mendap dan ibu-nya kini berada amat bahaya.

Pada satu hari sa-ora Bones tiba di-rumah per nyewa sa-buah bilek. D pan sa-buah peta yang pulau yang terletak jauh mana ada tertanam har minta bapa Jim untuk pulau ini, tetapi nasib ya halang pemergian mereka dan Bones terkandas itu. Sa-kumpulan raka yang ganas, di-ketuai jahat, menyerbu rumah berazam untuk mendap dan ibu-nya kini berada amat bahaya.

Rabu 20hb Disember, 1978.

Women's World

Christmas Eve the 24th December, we are going to take an armchair journey to the countries around the world to discover how Christmas is celebrated by Christians everywhere.

As more will be, Joana Douglas, Christmas is celebrated in Chile, Argentina, Lynette Lithgow about the Caribbean, Helga Ng — Australia — England, Joy Pascual — and Jean Jackson — Scotland.

Don't forget to tune in to the English Radio Brunei for Women's World 24th from 11.30 a.m.-12.30 p.m.

From (L to R) Joy Pascual, Jean Jackson, Charan Chand (Producer), Sheila Jackson (Chairperson), Joana Douglas, Helga Ng, Dorn Williams and Lynette Lithgow (back to camera).



INTISARI
rtb
MINGGU INI

Ad Ayam resepi minggu ini

peminat2 Serikandi yang tidak berkesempatan mengikuti rancangan ini semalam, kapada peminat2 masa-masa ini, ikuti-lah resepi-nya yang berjudul "AD AYAM" oleh Puan Emma.

SALAD AYAM

Bahan2-nya:

- 1 chawan isi ayam
- 6 biji kentang rebus
- 1 biji lobak merah di-rebus
- 2 biji apple merah (di-potong dadu empat segi kecil2)
- 1 tin nenas potong di-potong kecil2
- 1 biji pickle (jerok dalam tin)
- 1 chawan keju (di-potong dadu)
- 1 chawan kacang peas di-rebus

Ayer lemon, garam dan lada putih sa-chukop rasa Mayonnaise kuah untuk salad

Daun lettuce atau daun ketumbar untuk hiasan.

Peratoran-nya :

1. Ayam di-rebus dengan sedikit garam kemudian di-potong dadu.
2. Sediakan mangkuk yang besar masukan semua bahan2 yang di-potong dadu tadi.
3. Kemudian masukan ayer lemon, garam dan lada putih.
4. Seterusnya masukan mayonnaise (kuah salad) kacau rata dan perlahan2 supaya ubi kentang-nya tidak hancur.
5. Bila sebari masukan dalam mangkuk bulat (mengikut saiz puan2) ratakan campuran tadi dan masukan dalam peti sejuk, bila sudah beku keluarkan dari achiuan tadi.
6. Letakan di atas piring yang lebar, hiaslah dengan daun salad, daun ketumbar, tomato yang di-hiris memanjang.



Perjumpaan Bengkel Penulis

PERJUMPAAN Ahli2 Bengkel Penulis yang akan datang ia-lah pada 7hb Januari, 1979, jam 9.30 pagi di-Studio A, Bangunan Jabatan Radio Talishen Brunei, di-mana ahli2 Bengkel akan dapat memerhati dan mengikuti sa-chara praktik chara2 penulisan Skrip untuk TV, hubungan Skrip dengan kedudukan kamera dan penulis2 dengan penerbit. Ahli2 Bengkel juga akan berpeluang menyaksikan rakaman yang di-buat Babak demi Babak dalam satu2 drama yang dihasilkan oleh penulis2.

Gambar kanan menunjukkan Awang Stewart Wavell, Pengurus Penerbitan Rancangan Radio (kiri) dan Pengiran Badaruddin bin Pe Ghani, Penolong Ketua Rancangan2, RTB, Pencheramah (No. 4 dari kanan) dan Penerbit Rancangan Zainab Haji Zainal Abidin bersama2 dengan Ahli2 Bengkel Penulis yang lain, sa-masa perjumpaan di-adakan pada 10hb Disember, 1978 yang baru lalu, di-Dewan Peringatan Churchill, Bandar Seri Begawan.



World of Survival: "The World You Never See"

DI-ANTARA kandungan-nya kali ini ia-lah mengenai mata manusia yang begitu mengagumkan. Dengan mata kita ini-lah yang memberi lebih kurang lapan puluh peratus maaiuman di-sekeliling kita. Di-samping itu ada yang tidak dapat kita lihat dengan mata kasar.

Umpama-nya dunia mikroskop binatang2 ganjil yang tinggal di-dalam satitek ayer garam yang mana ada-lah lebih indah dari segala2-nya.

Kita juga akan diperlihatkan dengan penghidupan di-dasar lautan sajenis ikan ayer tawar.

Dunia serangga juga memperlihatkan detik2 yang kaya dengan berbagai pemandangan seperti tebuan kayu yang mengorek sa-dalam sa-mchi sa-tengah pada sa-pohon kayu untuk bertelur di-sana.

Dan yang paling terserlah sekali ia-lah dunia tersembunyi perkembangan

penghidupan misteri2 embryo di-dalam sa-biji telur sehingga muncul-nya anak ayam.

Sa-telah awda menyaksikan pemandangan2 yang menakjubkan ini dalam "The World You Never See", tentu-lah awda merasakan bahawa awda telah bersama2 menekmati rahsia2 alam dan penghidupan di-dalam-nya.

The Lost Island

SA-TIAP tahun, untuk meredakan letupan tahunan gunung berapi, Perdana Menteri memerintahkan supaya sa-tiap penduduk mengorbankan harta mereka yang bernilai. Sa-tiap tahun, pengawal2 menghimpun "hadiah2" dan meletakkan-nya di-kaki gunung berapi, di-mana Perdana Menteri di-jangka akan membakar-nya.

Pada tahun ini bunyi gegaran gunung berapi ada-lah lebih kuat dari tahun2 lepas. Adam Quinn dan keluarga-nya menchari perlindungan di-tempat persembunyian kanak2 itu kerana bimbang-kan kejadian letupan yang kuat. Apabila kanak2 itu mendapat tahu mengenai "pengorbanan" tahunan itu, mereka merasa shak dan memutuskan untuk mengintai kegiatan Perdana Menteri. Dari satu tempat yang tersembunyi, mereka memerhatikan perbuatan Perdana Menteri. Apa-kah yang mereka saksikan? Untuk mengetahui kesah selanjut-nya ikuti-lah tayangan-nya seperti biasa.

Hardy Boys Mysteries "Death Surf"

SEWAKTU meluncur di-ombak laut di-Hawaii, Frank Hardy terancam nyawa-nya dalam satu chubaaan yang sia2 untuk menyelamatkan juara perenang yang jelita yang telah menghilang sechra misteri di-tengah2 ombak dalam "Hardy Boys Mysteries", Bintang undangan istimewa kali ini ia-lah Jack Jones.

Dalam cherita "Death Surf", avah kapada Marianne Dalton, Turner menyuroh Hardy Boys meny-

asat mengapa anak-nya menggunakan dua nama dan bagaimana ia menghilang dalam ombak. Frank dan Joe memeriksa bilek-nya yang telah di-geledah orang dan terjumpa Mark Crawford, yang mengarahkan mereka supaya pergi ka-sebuah kelab di-mana si-gadis itu pernah menyanyi. Dalam meneruskan penyiasatan ini, Joe menjadi bimbang sekali apabila Frank mula jatuh cinta dengan gadis yang diperchayai sudah mati itu.

SUSUNAN RANCHANGAN MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra Irama; 9.00 — Dendang Antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan Selokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran Selingan; 10.30 — Permintaan pagi Rabu; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Tahu kah awda (SU) — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Apa kata mereka (SU); 1.30 — Persembahan pancharagam (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Permintaan parajurit; 7.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat; — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Belia Zaman Ini; 9.00 — Terima-lah Sampul Surat; 9.30 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasakan Berita, diikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.15 — Rampaian London; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Dendang sa-irama (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Taman Mekar (SU); 11.00 — Salam dari ku (SU); 11.30 — Rampaian irama. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar Madah; 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu Kah Awda (ulangan); 1.30 — Ragam Mudi Mudi. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Mari Berzikir — Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan Hari Ini. **MALAM:** 7.30 — Hidayat; 7.30 — Permainan gambus — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara Radio (US); 9.30 — Ku Sampaikan Salam; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasakan Berita, diikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

APA PILEHAN AWDA



DAYANG Rosliah binte Asri, No 1A, Barek Hospital, Jalan Sumbiling, Bandar Seri Begawan mendapat giliran untuk memilih lagu2 dalam ruangan Apa Pilehan Awda minggu ini.

Lagu2 pilehan Dayang Rosliah akan dapat di-ikuti melalui Radio Brunei pada hari Jumaat 22hb Disember, 1978 jam 9.00 pagi dan siaran ulangan-nya pada hari Sabtu jam 9.30 pagi.

JUMAAT

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita diikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.00 — Untuk kaum tani; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilehan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Soalan di-udara/apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Kuiz/Berbalas Pantun; 11.30 — Hidayat (SU). **T/HARI:** 12.00 — Permainan gambus (SU); 12.30 — Menuaikan sembahyang fardhu Jumaat, siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama; 2.00 — Belia zaman ini; 2.30 — Suara Dari Bintang; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Panorama Radio/Kursus di-radio; 3.30 — Dari Bengkel Penulis/Mutiara Hikmat (SU) — Azan untuk fardhu Asar; 4.00 — Dari Pengalaman Awda/Suara P.T.E. (SU); 4.30 — Sajak dan irama; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama Di-Senja; 6.00 — Irama lagu2 asli; 6.30 — Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan selokan-nya; 7.30 — Dokumentari — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Siri Sejarah Brunei; 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Cheramah Minggu Ini; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasakan Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung ri; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Soalan di-udara apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.15 — Majallah Commonwealth; 9.30 — Apa pilehan awda (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Kursus Radio (SU) dan Panorama Radio (SU); 11.00 — Hiboran pilehan; 11.30 — Dari bintang ka-bintang (SU). **T/HARI:** 12.00 — Peristiwa dunia minggu ini; 12.30 — Hiboran rampaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Documentary Radio (SU); 1.30 — Permintaan hari Sabtu. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian

Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh Perindu; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Chitra irama (SU); 7.30 — Bertuturan (SU); — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar Madah (US); 8.45 — Dari Pengalaman Awda; 9.00 — Kuiz/Berbalas Pantun (US); 9.30 — Suara P.T.E. (SU), Hidangan Melayu Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasakan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.30 — Do'a Restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Dendang Suria; 8.30 — Mari Berpantun; 8.00 — Majallah Radio; 8.30 — Dunia Wanita; 9.00 — Keluarga Si-Awang; 9.30 — Taman Mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Permainan Pancharagam; 11.00 — Terima-lah Sampul Surat; 11.30 — Hello siapa di-sana; **T/HARI:** 12.00 — Sandiwara radio; 12.30 — Rampaian tengah hari — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria; 1.45 — Bualan minggu ini. **PETANG:** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 2.45 — Hiboran; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Bertuturan (ulangan); — Azan untuk fardhu Asar; 4.00 — Arena sokan; 4.30 — Siri Sejarah; 5.00 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Mari Melanchong; 6.00 — Buloh Perindu; 6.15 — Persembahan aneka instrumental — Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Apa kata mereka; 9.00 — Keluarga Jaya; 9.30 — Mari berzikir; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasakan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama;

7.15 — Hiboran Sambil Sarapan; 8.00 — Peristiwa dunia minggu ini (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusahaan (BBC); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Senandung irama. **T/HARI:** 12.00 — Mari Melanchong (SU); 12.15 — Hiboran rampaian tengah hari; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Permintaan jiran tetangga. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Hiboran di-senja; 6.15 — Irama padang pasir — Azan untuk fardhu Magrib, diikuti oleh bacaan ayat2 Suchi Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU); 7.30 — Keluarga Si-Awang (SU) — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Dari Pendengar Untuk Pendengar; 9.00 — Untuk kaum tani; (SU); 9.30 — Serbanika persembahan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasakan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: 6.00 — Tanda Waktu dan Lagu Kebangsaan Brunei; 6.03 — Susunan ranchangan di-bachakan; 6.05 — Bachaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita di-ikuti oleh Pimpinan Illahi, Membachakan waktu2 sembahyang; 7.10 — Renongan bersama; 7.15 — Hiboran sambil sarapan; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Rampaian London (SU); 9.45 — Hiboran Pilehan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Senandung ria; 10.30 — Serbanika Persembahan (SU); 11.00 — Majallah radio/meninjau sambil lalu; 11.30 — Puspargam; **T/HARI:** 12.00 — Cheramah minggu ini; — Azan untuk fardhu Dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar (SU); 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara/dunia pelajar (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian Radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan Aneka Instrumental — Azan untuk fardhu Magrib, di-ikuti oleh bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Bualan minggu ini (SU); 7.30 — Salam dari ku — Azan untuk fardhu Isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita, berita2 tempatan dalam bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Suara Pulis Diraja (SU); 9.15 — Sajak Irama dan Budaya (SU); 9.45 — Senandung Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasakan Berita, di-ikuti oleh Pimpinan Illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON:** 12.00 — Melody Time (repeat). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Hot Questions-Cool Replies (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Ja'afar Yakub; 9.15 — News; 9.30 — Dateline; 10.00 — Cleo Laine and the John Dankworth Quarter; 10.30 — Close Down.

THURSDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Thursday's Bandwagon — we invite you to hop aboard our non-stop musical express; 11.45 — World of Education. **NOON:** 12.00 — My Word (repeat). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Rock Line; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Young Sound by Tajul Ahmad; 8.30 — Our Brunei Viviyanti Ali (repeat); 9.00 — What's Wrong with me, Doctor? by Shirley Don; 9.15 — News; 9.30 — International Call; 10.00 — Music for easy listening by Ak Hishamudin Pg Yaakub; 10.30 — Close Down.

FRIDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Calling On You by Sheikh Abbas. **NOON:**

12.00 — Our Brunei produced by Viviyanti Ali. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — The Singing Bamboo by Shirley Don; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Thin Lizzy — Live (Part 2); 8.30 — Dr Finlay's Casebook; 9.00 — Light Music from Netherland; 9.15 — News; 9.30 — Dees the team think; 10.00 — BBC World Report; 10.15 — A Date with Bobby Vinton; 10.30 — Close Down.

SATURDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Dr Finlay's Casebook (repeat); 11.30 — From Ticker, Tape and Telephone. **NOON:** 12.00 — Stringsound; 12.30 — News; 12.45 — Doors to Opportunity by Ja'afar Yakub (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Top of the Pops (repeat); 8.30 — Just For Variety by Sheikh Abbas; 9.00 — The Singing Bamboo by Shirley Don (repeat); 9.15 — News; 9.30 — Saturday Mail Bag presented by Charan Chand; 10.30 — Close Down.

SUNDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Half Hour with Veronica Shim; 11.30 — Women's World Christmas Special produced by Charan Chand. **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Christmas with Johnny Cash; 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — The Musical Dairy by Nafisah Haji Ali; 8.30 — Your World; 8.45 — Christmas Potpourri compiled by Shirley Don; 9.15

— News; 9.30 — Announcers' Special; 10.30 — Christmas Dance Party produced by Sheikh Abbas; 11.30 — Christmas Carols produced by Viviyanti Ali; 12.30 — Close Down.

MONDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Christmas Musical Merry-Go-Round; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Children's Variety Special produced by Veronica Shim. **NOON:** 12.00 — Just A Minute (Christmas Edition). **PM:** 12.30 — News; 12.45 — Hello! Merry Christmas!! 2.00 — The Panaga Choir; 3.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — We wish you a Merry Christmas — a request programme presented by Veronica Shim; 9.15 — News, followed by Her Majesty the Queen's Christmas Message; 9.30 — Door to Opportunity produced by Ja'afar Yakub; 10.30 — I'm Sorry I'll Read That Again (Christmas Edition); 11.00 — Dance Music by Sheikh Abbas. **Midnight:** 12.00 — Close Down.

TUESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBC WS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Housewives' Special; 11.45 — Sports Magazine. **NOON:** 12.00 — Steptoe and Son 12.30 — News; 12.45 — What's Wrong with me doctor by Shirley Don (repeat); 1.00 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Stereo Pop Special Featuring "The Steve Gibbons Band" Side 2; 8.30 — Forum produced by Viviyanti Ali; 9.00 — Man in a Changing World; 9.15 — News; 9.30 — Hello Tomorrow; 10.00 — Hits In Germany; 10.30 — Close Down.



Ahli Jawatankuasa PITA

KAMPONG TANAH JAMBU. — Penduduk2 Kampung Tanah Jambu di-Daerah Brunei-Muara telah menubuhkan sa-buah persatuan belia. Persatuan yang di-beri nama Persatuan Ikatan Tanah Jambu atau rengkas-nya PITA telah di-luluskan pendaf-taran-nya oleh pihak Pen-daftar Persekutuan2 Negeri Brunei dalam bulan Julai yang lalu.

Satu mashuarat bagi menubuhkan ahli jawatan-kuasa bagi persatuan yang baru itu telah di-adakan di-Sekolah Ugama Tambahan Tanah Jambu pada 15hb September yang lalu. Dalam mashuarat yang di-hadiri oleh penduduk kampung tersebut, Ketua Kampung Tanah Jambu, Awang Haji Md Noor bin Zakaria telah di-lantek sa-bagai Penasehat persatuan tersebut.

Awang Nordin bin D.P. Haji Taha telah di-lantek sa-bagai Yang Dipertua manakala Awang Sumadi bin Sukaimi sa-bagai tim-balan-nya.

Pengerusi ia-lah Awang Md Salleh bin Haji Bung-kol sementara timbalan-nya ia-lah Awang Yahya bin D.P. Haji Taha.

Setia Usaha ia-lah Awg Muhammad bin Sukaimi

dan Awang Talip bin Hitam sa-bagai timbalan-nya.

Bendahari Agong ia-lah Awg Md Noor bin Awang dan timbalan-nya ia-lah Awg Duraman bin Musa.

Awang Abd Latif bin Ismail dan Awang Bujang bin Jumaat masing2 di-lantek sa-bagai Pemereksa kira2 dan timbalan pemereksa kira2.

Sa-ramai 12 orang telah di-lantek sa-bagai ahli jawatankuasa seksi. Mereka yang di-lantek ia-lah:

Seksi Sokan — Awang

Sorhan bin Haji Hashim dan Awang Hussin bin Bagol; Seksi Kesenian dan Kebudayaan — Dayang Masnah bte Karim dan Awang Salleh bin Haji Nawi; Seksi Ugama dan Pelajaran — Pg Muham-mad bin Pg. Salleh dan Dayang Noorni bte Nudin; Seksi Kebajikan dan Kesihatan — Awang Ibrahim bin Abdullah dan Awang Ismail bin Daud; Seksi Penerangan — Awang Az-main bin Simba dan Da-yang Zaleha bte Karim dan Seksi Wanita — Da-yang Rosnah bte Paka dan Dayang Siti Juyah bte Sulaiman.



300 orang Kadet Pulis akan menyertai perkhemahan tahunan

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Perkhemahan ta-hunan bagi anggota kadet Pulis Diraja Brunei akan di-adakan di-Sungai Pen-yatang, Batu 33, Jalan Tutong dari 24hb hingga 31hb Disember.

Lebih dari 300 orang anggota kadet lelaki dan

perempuan dari 13 buah sekolah di-seluruh negeri akan menyertai perkhema-han tersebut.

Anggota kadet itu akan di-bahagikan kepada dua kumpulan, 150 orang bagi sa-tiap kumpulan. Kumpo-lan pertama akan berke-

mah sa-lama tiga hari se-kelompok kumpulan kedua juga akan berkhemah sa-lama tiga hari sa-lepas itu.

Pesuruhjaya Pulis, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid akan memerasmikan perkhemahan tersebut.

SA-RAMAI 12 orang penun-tut tahun pertama dari Pusat Latihan Pertanian Sinaut pada hari Khamis yang baru lalu telah mengadakan lawatan memerhati sambil belajar ka-beberapa tempat perusahaan pertanian dan ternakan di-Daerah Brunei dan Muara. Rombongan tersebut telah ju-ga membuat lawatan ka-tempat perusahaan ternakan ayam yang di-punyai oleh Awang Salim bin Serudin di-Kampung Pengkalan Sibabau Kampung Mentiri.

Gambar atas menunjukkan penuntut2 tersebut dengan di-seriti oleh Awang Abdul Rahman bin YDM Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Haji Musa, Pembantu Haiwan Kanan di-Stesen Pertanian Sinaut (berdiri No. 5 dari kiri) dan Awang Ibrahim bin Haji Yahya, Pembantu Haiwan Kanan di-Klinik Haiwan (berdiri No. 2 dari kanan) dan berdiri paling kanan Awg Salim bin Serudin pengusaha ternakan ayam yang di-lawati sedang bergambar ramai sa-telah lawatan di-lakukan.

PEMASANGAN TALIPON DI-KAWASAN B.S.B. DI-GANTONGKAN

BANDAR SERI BEGA-WAN. — Jabatan Talikom ketika ini sedang melak-sanakan rancangan pem-baharuan sa-chara besar2-an ke-atas sistem talipon di-dalam dan di-sekitar ka-wasan ini.

Satu kenyataan yang di-keluarkan oleh Jabatan tersebut menyatakan baha-wa dua buah steshen sam-bongan (exchange) seka-rang sedang di-bena, satu di-Jalan Tutong untuk memberi perkhidmatan di-sekitar Bandar Seri Bega-wan dan yang satu lagi di-Jalan Madang untuk ka-wasan di-Utara Timor Is-tana Edinburgh. Ini ter-masuk-lah steshen sam-bongan yang ada sekarang di-Lambak dan Manggis.

Steshen sambongan yang baru ini, serta alat2 per-hubungan dan juga projek2 lain yang bermaksud un-tok membaiki perkhidma-tan talipon di-dalam serta di-luar negeri di-jangka memulakan perkhidmatan-nya pada suku akhir tahun depan.

Menurut kenyataan itu lagi, untuk kejayaan usa-ha2 tersebut, sa-tiap pesa-wat talipon yang di-sam-bongan ka-exchange yang baru itu nanti mesti-lah di-dalam keadaan yang memuaskan sa-waktu pe-mindahan-nya. Sekarang langkah2 yang teliti ter-hadap perkara tersebut te-

lah pun di-buat.

Setakat ini banyak juga pertukaran dan peminda-han telah pun di-buat te-tapi banyak lagi pergera-kan lain yang di-kehen-daki. Untuk melicinkan kerja2 ini terpaksa-lah di-buat pengantungan pada kerja2 pemasangan biasa serta membuka pesawat2 talipon atas permintaan pelanggan2 yang terlibat di-kawasan2 yang berkena-an seperti di-Bandar Seri Begawan, sekitar-nya, Lambak dan Manggis.

Mulai dari 1hb Januari 1979 depan walau bagai-mana pun tidak ada per-mohonan akan di-luluskan sa-hingga pemberitahuan kelak. Jika ada permohon-an khas dan ingin di-jalan-kan dengan segera maka ia-nya terpaksa-lah di-tangguhkan.

Langkah tersebut tam-bah kenyataan itu lagi ada-lah bertujuan untuk mem-bolehan pemasangan biasa oleh kaki-tangan Jaba-tan tersebut bagi kerja2 pemulahan dan pembaikan yang merupakan syarat utama dalam menuju pe-laksanaan sistem itu nanti.

Bagaimana pun Jabatan tersebut ada-lah merasa kesal terhadap tindakan yang terpaksa itu dan ka-tas gangguan terhadap talipon pelanggan2 dan juga kepada bakal2 pemi-lek talipon yang terganggu pemasangan-nya.

Hari kelepasan awam 1979

ADA-LAH dengan ini di-beri tahu bagi pengetahuan ramai bahawa Kewah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam Majlis Mashuarat telah mengistiharkan bahawa hari2 yang berikut ada-lah Hari2 Kelepasan Awam di-Negeri Brunei bagi tahun 1979:

Awal Tahun Masehi	—	Hari Isnin 1hb Januari
Tahun Baru China	—	Hari Isnin 29hb Januari (sa-bagai ganti hari Ahad 28hb Januari)
*Hari Maulud	—	Hari Sabtu 10hb Februari
Hari Ulang Tahun Askar Melayu Diraja Brunei	—	Hari Khamis 31hb Mei
Hari Keputeraan Baginda Queen	—	Hari Sabtu 16hb Jun
*Isra' Me'raj	—	Hari Sabtu 23hb Jun
Hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan	—	Hari Isnin 16hb Julai (sa-bagai ganti hari Ahad 15hb Julai)
*Awal Ramadan	—	Hari Khamis 26hb Julai
*Memperingati Nuzul Al-Kor'an	—	Hari Sabtu 11hb Ogos
*Hari Raya Puasa dan hari yang berikut-nya	—	Hari Sabtu 25hb Ogos dan hari Isnin 27hb Ogos (sabagai ganti hari Ahad 26hb Ogos)
Hari Perlembagaan	—	Hari Sabtu 29hb September
*Hari Raya Haji dan hari yang berikut-nya	—	Hari Khamis 1hb Nobember dan hari Sabtu 3hb Nobember (sa-bagai ganti hari Jumaat 2hb Nobember)
*Awal Tahun Hijrah 1400	—	Hari Rabu 21hb Nobember
Hari Krismas dan hari yang berikut-nya	—	Hari Selasa 25hb Disember dan hari Rabu 26hb Disember

*Terta'alok kepada perubahan.

BIDAK YANG PERKASA


OLEH:
STEWART
WAVELL

TIDAK lama lagi kita akan memikirkan barisan untuk bertempur dengan semua buah-chator dalam kedudukan bersestentang. Walau bagaimana pun kita terpaksa-lah mencari jalan bagaimana mengotakan tentera kita itu untuk memperoleh tapak yang lebih baik pada permulaan permainan. Penyusunan awal tentang kedudukan kekuatan tentera kita ini di-sebut 'pembukaan', dan sa-lepas itu membawa kepada 'permainan pertengahan' di-mana kita memikirkan gerakan2 mengejut dan merebut kedudukan2 yang kuat, sentiasa mengintai kelemahan2 kedudukan musuh dengan yang demikian kita dapat menyatu-padukan kekuatan senjata buah-chator kita untuk menggempur kedudukan2 yang lemah itu dan sa-terus-nya memusnahkan tentangan.

Walaupun begitu, selalunya kedua-dua barisan pertahanan ada-lah sama kuatnya yang menyebabkan peredaran yang hebat tidak dapat di-lakukan dan oleh sebab itulah, sa-panjang permainan chator, kita terpaksa mengingati 'permainan hujung' apabila sa-bahagian besar buah-chator sudah tiada dan kita hanya memiliki katakana-lah dengan satu Tahir dan dua atau tiga Bidak untuk bertempur. Dalam kehebatan oahang pertempuran kita mesti-lah ingat kepada Bidak2 ini. Sa-sungguh-nya, keseluruhan keputusan sa-suatu permainan dapat di-tentukan oleh satu lebehan Bidak. "Meme-

nangi satu Bidak di-kalangan pemain yang sama kuat", kata Capablanca, "selalu-nya bererti memenangi permainan". Dan jika Bidak itu "Bidak terlepas" — ia-itu di-kiri kanan-nya tidak terdapat Bidak2 musuh untuk menawan-nya — kita mesti-lah mengawasi serta menyekat-nya seberapa boleh, kerana satu 'Bidak terlepas', menurut Capablanca, "sa-makin bertambah kuat apabila bilangan buah-chator di-papan-chator sa-makin berkurangan". Sekarang awda sudah di-beri amaran!

Jadi, bagaimana-kah charanya menyekat Bidak yang mara untuk menjadi Menteri? Awda mesti-lah memperhentikan samada Raja awda berada dalam jarak yang singkat dari petak yang menjadikan Menteri itu dan dapat sampai ka-sana untuk menyekat Bidak tersebut.




Rajah 22

Dalam Rajah 22, Raja Hitam tidak mempunyai harapan untuk menyekat Bidak Putih daripada menjadi Menteri.

Siri ke-5

Dalam tiga langkah Bidak Putih akan menjadi Menteri; dalam tiga langkah Raja Hitam hanya sampai ka-f8, petak yang bertanda pangkah.




Rajah 23

Sa-balek-nya dalam Rajah 23, samada giliran Raja Hitam untuk bergerak atau tidak, ia maseh mempunyai masa untuk menyekat Bidak Putih daripada menjadi Menteri kerana sekarang ia hanya memerlukan dua langkah untuk menyekat Bidak Putih itu.

Satu kaedah ringkas untuk mengetahui samada awda dapat menyekat Bidak atau tidak ada-lah untuk membayangkan satu rajah petak yang di-bentuk oleh beberapa petak dari Bidak ka-petak menjadi Menteri, dan perhatikan samada Raja awda termasuk dalam kawasan rajah petak itu. Jika giliran lawan awda untuk ber-

MAIN CHATOR — PERMAINAN DIRAJA

gerak, Raja awda mesti-lah berada dalam kawasan rajah petak itu; jika giliran awda pula untuk bergerak, Raja awda hanya-lah di-perlukan berada di-tepi rajah petak itu seperti yang di-tunjukkan dalam Rajah 24.



Rajah 24


Banyak buku telah di-tulis mengenai strategi 'permainan hujung', dan mungkin yang paling terkemuka ada-lah oleh Keres, sa-orang bangsa Estonia yang terkenal. Kira2 sabulan atau dua bulan sebelum ia meninggal, Keres dan saya telah makan tengahari di-hotel tempat saya menginap di-Singapura. Kami berbual tentang banyak perkara dan saya maseh ingat nasihat yang di-berikan-nya mengenai mengajar anak2 muda bermain chator. "Suroh mereka menumpukan pelajaran mereka pada permainan hujung", kata-nya. "Sekarang terlampau ramai pemain ghairah mempelajari permainan pembukaan dan mereka begitu terpesona dengan ciptaan gabungan2 yang memberangsangkan pada permainan pertengahan sa-hingga mereka tidak peduli untuk mempelajari teknik permainan hujung. Ini ada-lah satu kesalahan yang serius. Bagaimana-kah mereka dapat bermain permainan pembukaan dan permainan pertengahan kalau mereka tidak mengetahui rupa kelebihannya yang di-perlukan untuk menang pada permainan hujung?" Jadi, dalam ke-

luan2 akan datang, kita akan berbalek membicarakan Bidak yang perkasa dalam permainan hujung.

Minggu lepas saya telah menyola samada awda dapat melakukan sah-mat dengan satu Gajah bersama2 satu Kuda terhadap Rajah musuh. Apa-kah yang awda temui? Ya, dapat, tetapi tidak mudah dan ada-lah perlu untuk menggiring Raja itu ka-satu petak di-mana ia dapat di-

asah oleh Gajah. Sekarang ini-lah huraian Masaalah 3 minggu lepas: 1. ... G-g5! 2. TxB (jika 2. KxT, T-h2 asah; 3. R-gl, GxT dan Hitam mengancam GxT, RxG dan G-e3 asah), 2. ... T-h2 asah; 3. R-gl, G-e3 asah; 4. R-f1, B-g2 asah; 5. R-e2, B-g1 (M) asah; 6. R-d3, T-d2 asah dan Putih menyerah kalah kerana 7. R-c3, MxT asah.

MASAALAH 4



Rajah 25

Peters Iwn Lombardy. Lone Pine, 1977. Dengan mengorbankan satu Bidak, Putih memperoleh kedudukan menggempur yang baik ini dari bekas jurulatih Bobby Fischer. Ada-lah jelas yang Putih (untuk bergerak) dapat bermain KxT apabila Hitam hanya mempunyai sedikit peluang untuk mendapatkan kedudukan seri: tetapi ada-kah jalan lain yang lebih baik?



YAM Pengiran Laila Wijaya Pengiran Haji Yusoff bin Pengiran Mohd. Limbang, Yang Dipertua Persatuan Chator Brunei, kelihatan bermain chator, Ahad lepas dengan sa-orang 'Chess Master' dari Nepal, Rana Nirmal Shumsher sa-masa lawatannya ka-Brunei baru2 ini. Dua orang tempatan telah dapat menewaskan Rana Shumsher; walau pun pada keseluruhan-nya beliau banyak memenangi perlawanan sa-chara persahabatan itu.

JAWATANKUASA BARU BELIA SUMBILING 1979-80

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Belia Sumbiling Brunei baru2 ini telah mengadakan mashuarat agong-nya yang ke-8 dan telah memilih ahli2 jawatankuasa tadbir yang baru bagi tahun 1979-1980 untuk sa-lama dua tahun.

Mashuarat agong itu telah di-rasmikan oleh YDM Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Awang Haji Musa bin Awang Hitam bagi wakil peribadi YB Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Setia Awang Haji Husin yang pada ketika ini sedang berada di-luar negeri.

Majlis tersebut telah diadakan di-Bilik Kuliah, Dewan Bahasa dan Pustaka di-sini. Jawatankuasa tadbir yang baru di-pilih ada-lah seperti berikut: —

Yang Dipertua; Awang Ahmad bin P.O.K. Digadong Seri Diraja Dato Laila Ujama

Awang Haji Mohd. Yusoff, Naib Yang Dipertua; Pengiran Badaruddin bin Pengiran Haji Ghani, Setiausaha Agong; Awang Osman bin PTIDS Haji Mohammad Tamin, Pengerusi Tetap; Awang Haji Muhammad bin Jaafar, Bendahari Agong; Awang Rosli bin Omar, Naib Setiausaha; Awang Seruddin bin Haji Apang, Naib Bendahari; Awang Samin bin Zakaria.

Setiausaha Sokan; Awang Md Yusoff bin Haji Murni, Penolong S/u Sokan; Awang Mahmud Ibrahim, Setiausaha Ekonomi; Pg Suhaimi bin Pg Wahid, Penolong S/u Ekonomi; Haji Ismail bin Haji Sabani, Setiausaha Kebudayaan; Awang Md Jaafar bin Haji Apang, Penolong S/u Kebudayaan; Dayang Rosinah Mohd Said, Setiausaha Sosial

dan Kebajikan, Awang Tuah bin Haji Hitam, Setiausaha Penerangan dan Pendidikan; Awang Junaidi bin P.O.K. Pekerma Setia Dato Paduka Awang Haji Hashim, Penolong S/u Penerangan dan Pendidikan; Awang Ismit bin Haji Ahmad.

Majlis juga memilih 10 orang jawatankuasa biasa. Mereka terdiri: Awang Ibrahim Hassan, Awang Pungut bin Abdullah, Awang Haji Mahle bin Mustapha, Awang Haji Salleh bin Awang Damit, Awang Mohd Ali bin Haji Abd Manaf, Awang Azahari bin Haji Mohd Taha, Awang Maidin Junid, Awang Md Salleh bin Tuah, Awang Bahari bin Nordin dan Awang Abd Rahman bin P.O.K. Indera Dewa Dato Paduka Awang Haji Musa.



BRUNEI TEMPAT KE-4

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan bolasepak Brunei telah menduduki tempat ke-empat dalam kumpulan B di-pertandingan bolasepak Piala Lion City (16 tahun ka-bawah), yang telah di-langsungkan di-Singapura sejak 11hb Disember yang lalu.

Pasukan itu juga telah di-anugerahkan piala permainan bersih kerana mata paling rendah yang di-berikan bagi kesalahan2 teknikal.

Pasukan Brunei hanya menerima 38 mata bagi kesalahan2 berbanding dengan 72 kesalahan2 yang di-perolehi oleh pasukan Indonesia yang mendapat tempat kedua.

Rombongan Badminton

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang ahli Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei telah berlepas ka-Bangkok, minggu lalu, sa-bagai pemerhati dalam perlawanan badminton Sokan Asia ke-8 di-sana.

Rombongan tersebut diketuai oleh Awang Haji Mohd Ja'afar dan di-bantu oleh Pengiran Haji Mohammad bin Pg Badar. Ketika berada di-Bangkok, rombongan badminton itu akan mengadakan beberapa perlawanan sa-chara persahabatan.



GAMBAR atas menunjukkan pasukan pancharagan dari Sekolah Inggeris Perdana Wazir, Kuala Belait, sedang menghiburkan para penunton di-temasha Pesta Pantai Lumut anjoran Pelajar Kelas Dewasa, Daerah Belait yang telah di-adakan di-Pantai Lumut, yang baru lalu. Gambar kiri pula menunjukkan peraduan menggelek roda bagi kanak2 lelaki terbuka dalam temasha tersebut. — Kedua gambar ini kiriman Kelab Foto, SMMM 'Alam, Seria.

MAJALAH Universiti Al-Azhar, Kahirah, keluaran 1hb Februari, 1957 telah membongkar habis2an kesesatan Mazhab Ahmadiyah (Qadiani), yang antara lain isinya telah di-kutip oleh pengarang buku *I'tiqad Ahlus Sunnah Wal Jama'ah*, K.H. Sirajuddin 'Abbas m.s. 351 seperti berikut :

I'tiqad kaum Ahmadiyah memperchayai, bahawa Mirza Ghulam Ahmad itu di-utus oleh Allah untuk menyempurnakan ugama Islam. Ugama Islam — menurutnya — maseh kurang, kerana itu ia di-utuskan untuk menyempurnakan-nya. Nabi Muhammad s.a.w. jika dibandingkan dengan Mirza Ghulam Ahmad, ada-lah ibarat hilal (bulan sabit), sedang ia-nya sendiri ada-lah ibarat badar (bulan purnama). Kerana itu pada lambang bendera kaum Ahmadiyah Qadiani ini berchantum :

1. Hilal (bulan sabit)
2. Badar (bulan purnama), dan
3. Menara.

Hilal di-sini erti-nya Muhammad, Badar pula ia-lah Mirza Ghulam Ahmad dan Menara ia-lah menara Damshik di-mana Nabi Isa a.s. akan turun pada akhir zaman.

Kemudian satu prinsipal Qadiani yang terang2 menchabul hukum Allah Ta'ala, ia-lah apabila ia menfatwakan bahawa jihad dalam Islam itu tidak ada lagi. Hukum jihad dengan menggunakan senjata telah berakhir.

Ini-lah yang di-namakan oleh Ghulam Ahmad sebagai menyempurnakan Shari'at Islam. Shari'at Islam yang di-bawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. belum lagi sempurna, oleh kerana ia-nya maseh mengizinkan jihad. Maka lalu datang-lah Mirza Ghulam Ahmad menghapuskan hukum jihad itu. Dalam buku *A Manual of Hadith*, sebuah buku berbahasa Inggeris karangan Muhammad Ali yang banyak mengarang buku2 Qadiani, telah diterangkan dalam m.s. 252 dan 253 tentang hukum jihad menurut tanggapan Qadiani, bahawa menurut-nya jihad besar itu bukanlah dengan pedang, bahkan menggunakan Al-Kor'an sahaja. Kemudian buku *Al-Arba'en* karangan Mirza Ghulam Ahmad m.s. 4 dan 5 yang di-petik oleh pengarang buku *Mauqiful Ummah Al-Islamiah Minal Qadianiah* antara lain terjemahan-nya : "Bahawa Allah ada-lah, sentiasa melonggarkan perintah jihad

itu — yakni peperangan kerana ugama — dan adapun perbuatan menguatkan jihad telah berlaku di-zaman Nabi Musa sa-hingga iman di-anggap tidak selamat melainkan dengan membunuh. Kemudian dalam zaman Nabi kita s.a.w. datang hukum mengharamkan pembunuhan terhadap kanak2, orang2 tua dan kaum perempuan, kemudian diikuti ketetapan menerima jizyah sa-bagai tukaran dari pembunuhan, dan akhir sekali pada zaman Al-Maseih Al-Mau'ud (Mirza Ghulam Ahmad) telah di-hapuskan sama sekali hukum jihad itu."

Berkata Mirza Ghulam

QADIANI MENGHARAMKAN HUKUM JIHAD UNTUK TUJUAN2 SIAHAH

Ahmad selanjut-nya : "Hari ini dengan izin Allah, telah di-hapuskan hukum jihad dengan menggunakan senjata, barangsiapa yang melanggar senjata, sa-lepas hari ini, ka-atas orang kafir dan menamakan diri-nya mujahid, maka orang itu telah durhaka kepada Rasulullah, yang semenjak 1,300 tahun lagi telah mengkhabarkan, bahawa jihad dengan menggunakan senjata itu akan berakhir sesudah datang Al-Maseih Al-Mau'ud (Mirza Ghulam Ahmad). Maka sekarang, tidak ada jihad sa-lepas kelahiran-ku, dan kami telah tarek bendera putih untuk

keamanan dan perdamaian. Wahai umat yang di-kasehi! Kamu tinggalkan sekarang fikiran jihad, dengan kedatangan Al-Maseih (Mirza Ghulam Ahmad) ia itu Imam Ugama, dan ini-lah ketika-nya, dari langit telah terpanchar Noor Allah, dimana tidak ada guna-nya lagi fatwa tentang jihad dan peperangan itu (lihat buku *Mauqiful Ummah Al-Islamiah Minal Qadianiah* m.s. 119 dan 120 yang memetik kandungan buku2 Qadiani Mazhab m.s. 4 dan 5 dan *Tabligh Risalah*).

Mengapa timbul pengharaman hukum jihad ini oleh orang2 Qadiani? Ulama2 Islam telah mengkajinya dengan teliti, dan banyak-lah buku2 atau karangan2 yang di-buat oleh mereka untuk menolak dakwaan yang sesat itu. Mereka mendapati, pada masa itu keadaan di-India dan Pakistan tidak stabil, pergolakan kerana gerakan2 kebangsaan sentiasa berkobar, maka di-sebabkan itu, sa-bagai salah satu helah politik supaya keadaan tidak terus bergolak dengan hebat-nya, maka Mirza Ghulam Ahmad, samada dengan kesukaannya sendiri atau kerana ia-nya di-peralatkan, telah menjadikan soal ugama itu sa-bagai salah satu senjata untuk melumpuhkan semangat orang2 India dan orang2 Islam di-negeri itu. Ia telah menodai hukum Allah Ta'ala, dengan tidak mengira apa akibat-nya, asal tujuan tercapai, itu-lah yang pokok bagi-nya. Chuba perhatikan ungkapan ini, yang di-tulis oleh Mirza Ghulam Ahmad dalam *Sattarah Kaisar* m.s. 373 yang di-petik oleh pe-

oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA



H. A. AZIZ JUNED

Siri ke-18

ngarang buku *Mauqiful Ummah Al-Islamiah Minal Qadianiah* m.s. 116 dan 117, antara lain :

"Bahawa perkhidmatan yang telah aku berikan kepada pemerintah Inggeris, antara-nya aku telah menchetak kira2 50,000 naskhah buku dan lain2 siaran, yang kemudian aku sebarikan didalam negeri ini dan lain2 negeri Islam. Aku katakan di-dalam buku2 dan siaran2 tersebut, bahawa pemerintah telah berbuat baik kepada kita orang2 Islam, maka kerana itu WAJIB ka-atas tiap2 orang Islam menaati-nya dengan sebenar2nya dan ikhlas dan berterima kasih dan mendo'akan dengan sa-penoh hati. Buku2 itu di-terbitkan dalam berbagai2 bahasa : Urdu, Parsi dan Arab, dan aku telah membahagikan-nya kepada negeri2 Islam hatta kepada kedua2 buah bandar suci, Mekah dan Madinah, dan bandar koster-tenopol, negeri Syria, Mesir dan Afghanistan. Dan hasil dari semua itu, ribuan manusia telah membuang idea jihad yang merosak itu yang sa-lama ini di-ajarkan oleh Ulama2 yang jahil. Dan sesungguh-nya aku amat berbangga dengan usaha-ku ini, suatu usaha yang sukar bagi orang lain dapat membuat yang seumpama-nya."

Sebenar-nya usaha menyelewengkan hukum2 Islam oleh Mirza Ghulam Ahmad ini, tidak-lah berapa menghairankan kita, kerana sa-panjang perjalanan sejarah memang-lah selalu

terdapat orang2 yang seumpama itu. Walaupun begitu, wajib bagi kita berjaga2 dan memerhatikan pergerakan-nya, atau lain2 pergerakan di-luar daripada Qadiani, yang objektif-nya sama2 untuk merosakkan 'akidah, fikiran dan pendirian serta hidup orang2 Islam yang murni dan mulia. Musoh2 Islam itu tahu, bahawa konsep jihad bukanlah konsep peperangan biasa yang di-liputi oleh tipu helah yang biasa-nya jahat dan kotor, tetapi jihad adalah merupakan shi'ar yang tertinggi yang di-kawal oleh peraturan dan disiplin chip-taan Allah Ta'ala. Jihad tidak bermakna pemberontakan atau membunuh, sa-chara sewenang2, tetapi suatu pimpinan moral yang amat tinggi lagi mulia. Ugama Islam tidak mengizinkan sama sekali apa jua bentuk subversif dan ka-chau-bilau. Islam tidak sama sekali mengizinkan peperangan, kecuali untuk menolak permusuhan dan serangan musuh. Islam tidak meminta dari orang2 bukan Islam, kecuali supaya mereka menahan diri dari melakukan tindakan2 jahat terhadap dakwah dan umat Islam, dan jangan menyebarkan fitnah atau kesukaran2 terhadap orang2 Islam.

Pada siri2 akan datang, insha Allah, akan saya chuba perkatakan jihad di-jalan Allah menurut roh dan semangat Al-Kor'an mengapa ia di-fardhu dan di-kekalkan dalam shari'at, dan bukan seperti fitnah orang2 Qadiani yang ingin melenyapkan-nya.

(BERSAMBONG)

HADITH

MUHAMMAD ALI

A MANUAL OF HADITH

by Muhammad Ali

- ★ Sayings and Doings of the Holy Prophet Muhammad (s.a.w.)
- ★ Compendium of Sahih Bukhari and other Authentic Works of Tradition
- ★ A faithful picture of the Culture of Islam

BUKU 'A MANUAL OF HADITH' sa-buah buku Qadiani yang antara lain isi-nya menidakkan hukum jihad.

Harga barang2 keperluan

SAPERTI biasa di-bawah ini di-chatetkan beberapa jenis barang2 keperluan sa-hari2 yang di-dapati di-jual dengan harga yang lebih rendah di-kedai2 Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Seria. Ada-lah di-ingatkan kepada orang ramai bahawa harga barang2 yang berikut di-bawah bermula 14hb Disember, 1978.

BANDAR SERI BEGAWAN

1. SAYOR KINCHAM — \$2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
Hen Loong,
No. 31, Jalan Sultan.
2. KULAT KERING BERTANGKAI — \$2.50 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut : —
Chye Chee Seng,
No. 76, Jalan Roberts.
3. KACHANG MERAH — \$1.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
a) Chop Aik Thye,
No. 25, Jalan Sultan.
b) Ming Thai,
No. 32, Jalan Sultan.

KUALA BELAIT

1. SAYOR KINCHAM — \$3.00 sa-kati boleh di-beli dari kedai berikut : —
Kok Kee,
No. 60, Jalan Pretty.
2. KULAT KERING BERTANGKAI — \$2.70 sa-tahil boleh di-beli dari kedai berikut : —
Yick Yuen,
No. 3, Jalan Pretty.
3. KACHANG MERAH — \$1.30 sa-kati bo-

leh di-beli dari kedai berikut : —

Yun Seng Supermarket,
No. 84, Jalan Bunga Rambai.

SERIA

1. SAYOR KINCHAM — \$2.40 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
a) Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
b) Chop Yick Hoe,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
2. KULAT KERING BERTANGKAI — \$2.60 sa-tahil boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
a) Chop Kun Mee,
No. 6, Jalan Sultan Omar Ali.
b) Chop Yick Hoe,
No. 7, Jalan Sultan Omar Ali.
c) Chop Koh Seng Hang,
No. 17, Jalan Sultan Omar Ali.
d) Chop Nam Wah,
No. 64, Jalan Bunga Kenanga.
3. KACHANG MERAH — \$1.60 sa-kati boleh di-beli dari kedai2 berikut : —
a) Siong Huat,
No. 40, Jalan Sultan Omar Ali.
b) Siong Yick,
No. 54, Jalan Bunga Kuning.

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 23hb hingga 30hb Dis. 1978


TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Birau	23.12.1978	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiuding	23.12.1978	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	23.12.1978	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah)	*25.12.1978	Isnin	2.00- 3.00 "
Berhadapan Kedai, Kampong Perpindahan	*25.12.1978	Isnin	3.30- 5.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	*26.12.1978	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak	*26.12.1978	Selasa	10.30- 11.30 "
Sekolah Melayu Dato Gandi	27.12.1978	Rabu	8.30- 9.00 "
Sekolah Melayu Serasa	27.12.1978	Rabu	10.00- 10.30 "
Sekolah Melayu Mentiri	27.12.1978	Rabu	10.45- 11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	27.12.1978	Rabu	11.30- 12.00 T-Hari
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Serasa	28.12.1978	Khamis	3.15- 4.15 petang
Kawasan Rumah Ketua Kampong, Mesjid Lama, Muara	28.12.1978	Khamis	4.30- 5.30 "
Kawasan Masjid, Kampong Sengkurong	30.12.1978	Sabtu	2.00- 3.00 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas	30.12.1978	Sabtu	3.15- 4.15 "
Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut	30.12.1978	Sabtu	4.30- 5.30 "

* Peringatan : 25hb dan 26hb Disember, 1978 — Chuti Hari Kerimas.

ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI



KERJAYA SA-BAGAI PERTUKANGAN JURUTERA



OLEH kerana sistem senjata moden akan di-gunakan, Askar Melayu Diraja Brunei menghendaki dengan segera rekrut2 yang sesuai untuk lathan sa-bagai Pertukangan Jurutera.

Rekrut2 ini akan menerima lathan akademik dan peralatan di-Brunei, Singapura dan United Kingdom. Sa-lepas menamatkan lathan mereka akan bertanggung-jawab untuk memelihara dan membaiki alat2 senjata pertempuran yang kompleks seperti helikopter, kapal2, peluru berpandu, kereta2 kebal, penangkis kapal terbang yang berpandu, senjata2 meriam yang sedang di-gunakan atau akan di-gunakan di-dalam AMDB.

Sa-bagai menghargai ka-atas kemahiran2 mereka itu mereka akan di-bayar gaji pertukangan khas mengikut kebolehan. Sa-lain dari itu mereka akan menerima semua elaun2 dan faedah2 yang biasa di-terima bagi soldadu2 yang berkhidmat di-AMDB seperti elaun chatuan, elaun tinggal di-luar dll.

KELULUSAN YANG DI-KEHENDAKI

Pemohon2 mesti-lah terdiri dari raayat DYMM Sultan dan berumur di-antara 17½ dan 25 tahun dan terdiri daripada Bangsa Melayu ia-itu dari kaum jati puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.

Berikut ada-lah kelulusan yang di-kehendaki :

- Untuk Pertukangan Tekneshen.** (Marine Artificer, Radio dan Radar Tekneshen, Tekneshen Kapal Terbang dll) — Lulus Sijil Pelajaran Brunei peringkat biasa di-dalam Ilmu Hisab, Ilmu Fizik (atau Ilmu Sain) dan Bahasa Inggeris.
- Untuk Pertukangan Artisan.** (Mekanik Kenderaan, Pembaikan senjata, Mekanik kapal terbang dll) — Sijil Rendah Pelajaran Brunei termasuk Ilmu Hisab, Ilmu Sain dan Bahasa Inggeris.

Walau bagaimana pun, pemohon2 yang tidak mempunyai sa-bahagian atau semua2 daripada kelulusan akademik yang tersebut di-atas tetapi di-dalam Tingkatan 3 aliran Inggeris atau tinggi dari itu, yang berminat dan kebolehan untuk menjalani lathan sa-bagai Pertukangan Jurutera, akan di-berikan lathan akademik ka-perangkat yang di-kehendaki di-Pusat Lathan AMDB, sa-lepas menamatkan lathan 14 minggu.

Jika KAMU berminat dalam mempelajari satu pertukangan membawa kepada kerjaya yang mengembirakan sa-bagai pertukangan jurutera di-AMDB, penohkan borang pemohonan di-bawah dan alamatkan kepada :

Pegawai Pengambilan Rekrut
Askar Melayu Diraja Brunei
Bolkiah Kem, Brunei.
Talipon 23531 Sambongan 01 atau 02

KERJAYA SA-BAGAI PERTUKANGAN JURUTERA
ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

Nama

No Kad Pengenalan Tarikh Lahir.....

Nama Sekolah

Tingkatan.....

Mata Pelajaran Peringkat Biasa dan Keputusan :

.....

Mata Pelajaran SRPB dan Keputusan :

.....

Alamat

No Talipon

Tanda Tangan.....

JAWATAN2 KOSONG DAN TAWARAN

DI-JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

- MEKANIK TINGKAT KHAS :**
Kelayakan2 dan Pengalaman :
a) Lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu atau yang sebanding dengan-nya.
b) Keutamaan akan di-beri kepada calon2 yang

mempunyai kelulusan City and Guild dalam Bahagian Mekanikal atau telah berkhidmat sekurang2-nya 5 tahun sa-bagai Mekanik Tingkat 1.

Gaji :

Dalam sukatan gaji D.2 EB.3-4 — \$446-465-485-504-523-542-561 / EB/ 625-657-689-720-752 - 784-854-880-905-931-956-982-1007.

2. MEKANIK TINGKAT 1:

Kelayakan2 dan Pengalaman :

- Lulus sekurang2-nya Darjah V Melayu atau yang sebanding dengan-nya.
- Telah mempunyai pengalaman sekurang2-nya 5 tahun pada membaiki kerosakan2 berjenis2 kenderaan atau pun bertugas sebagai fitter/mechanik.
- Berumur di-antara 20 hingga 40 tahun.

Gaji :

Dalam sukatan gaji E.1-2-3 EB.4 — \$357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485 - 497 - 510-523 / EB/ 536-548-561-574-587-599.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 15hb Januari, 1979.

(E/447/72 — Bil: 134/1978)

Jawatan2 Kosong Bergaji Hari

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa dari raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk memenohi jawatan2 kosong bergaji hari dalam Jabatan2 Kerajaan dan gaji bulan di-Sektor Swasta.

Majikan

Pejabat Pos, Bandar Seri Begawan.

Jawatan

2 kekosongan Pemandu Truck Kelas 5.

Gaji

Kadar D \$13.10-\$14.90.

Majikan

Pejabat Penerbangan Awam, Brunei.

Jawatan

2 kekosongan Pemandu Bus Kelas 6.

Gaji

Kadar D \$13.10-\$14.90.

TENDER NOTICE

TENDERS are invited from registered contractors for the reconstruction of the Extension Services Office and Store Building at Birau Station, Tutong District.

Full details of the proposed reconstruction with plans and specifications may be obtained from the Agricultural Officer (Extension Services) at the Dept of Agriculture Headquarters, Jalan Kumbang Pasang, BSB who will also be pleased to arrange site inspection.

Tenderers should submit tenders under sealed cover and marked "Agricultural Department Birau—Confidential" to the Secretary Brunei State Tenders Board Office of the State Financial Officer BSB not later than noon Thursday January 4th 1979.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER NOTICE

STATE STORES AND SUPPLIES DEPARTMENT
TENDER NOTICE
No. 40/78

TENDERS are invited from "BONA FIDE" suppliers/Agents for the supply of: 4000 METRIC TONNES REFINED GRANULATED CANE WHITE SUGAR, COARSE GRAIN.

Tender documents may be obtained from the Office of the Controller of Government Stores, State Stores and Supplies Department, Jalan Gadong on payment of a tender deposit of B\$1,000.00. This deposit will be refunded in full to the unsuccessful tenderer after the award of the tender is known.

Tender closes by 12.00 noon on Tuesday, 16th January, 1979.

SUCCESSFUL TENDERS

- Proposed security measures to radio transmitter station at Tutong — Sulaiman Haji Ahai — \$143,340 — 8 weeks.
- Security measures to radio transmitter station at Serasa — Awang Yusof bin Haji Hussin — \$142,250 — 8 weeks.
- Security fencing for navigational aid sites at the International Airport — Borneo Chain Link Fencing Factory — \$84,452.50 — 2½ months.
- Improvement to approach channel and shore protection works at Muara Port — Messrs Daito Kogyo — \$12,720,638.00.
- Electrical installation to Integrated Weapons Complex — Brunei Elec Co — \$582,231.11 — 36 weeks.
- Air conditioning installation to Integrated Weapons Complex — Messrs Borneo Air Cond & Eng Co — \$293,457 — 16-30 week.
- Delivery and supply of crusher-run stones to proposed radar station access road, Airport — Sh Pembinaan Kebangsaan — \$26.05 per cu yds.
- Supply and delivery of crusher-run stones to Jalan Pusu Ulak — Chop Bee Seng — \$24.75 per cu yds.

TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei from Brunei registered Class A contractors up to noon 16th January 1979 for

The construction of the main external sewer and associated works at the New General Hospital at Kiulap for the Government of Brunei. Only those tenderers who have successful experience in this class of work will be considered.

2. Tenders received after the stated date will not be considered.

3. Tenders must be submitted in a plain sealed envelope without any indication on the cover of the identity of the tendering contractor.

4. The envelope must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and marked: PROPOSED GENERAL HOSPITAL AT KIULAP MAIN EXTERNAL SEWER.

5. Tender documents can be obtained from the offices of Alister MacDonald dan Rakan at 147 Jalan Chevalier, Bandar Seri Begawan from 20th December 1978.

6. The tender deposit will be B\$1,000.00 (Brunei Dollars One Thousand Only) by a crossed cheque made out to the Architects. The tender deposit will not earn interest and will be refunded in full to each tenderer who submits a bona fide tender.

7. Tenders must be submitted on the approved form. Qualified tenders will not be considered.

8. The Government of Brunei is not bound to accept the lowest or any tender.

TENDER NOTICE

TENDERS are invited from registered contractors for the construction of a store building at Pengkalan Batu Station in Brunei Muara District.

Full details of the site, plans and specifications are obtainable from the Agricultural Officer Brunei Muara District at Department of Agriculture Headquarters, Jalan Kumbang Pasang, BSB.

Tenderers should submit tenders marked "Agricultural Department Pk. Batu — Confidential" and under sealed cover to the Secretary Brunei State Tenders Board, Office of the State Brunei Financial Officer, not later than noon on Thursday 4th January, 1979.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER NOTICE

TENDERS are invited from registered contractors for the construction of the following buildings at Luahan Station, Luahan Station who will also point out the sites for these units.

Four Units: Poultry House and Store.

Two Units: Cattle collecting yards and crush.

Two Units: Goat house.

Copies of the plans and specifications for each of these units may be obtained from the Agricultural Officer i/c Project Luahan, Luahan Station who will also point out the sites for these units.

Tenders may submit tenders for one or more than one of the above but should quote separately for each unit.

Tenders should be submitted under sealed cover marked "Dept of Agriculture Luahan Project Confidential" to the Secretary, Brunei State Tenders Board, Office of the State Financial Officer, not later than noon on Thursday January 4th 1979.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

JAWATAN2 KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

Sa-bagai Pengajar Teknik dan Pen. Pengajar Teknikal

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang berkecayaan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Bahagian Sekolah2 Teknikal dan Latah-Kerja, di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

1. PENGAJAR TEKNIK
2. PENOLONG PENGAJAR TEKNIKAL

Dalam bidang2 yang berikut:

- a) Plumbing and Pipefitting
- b) Painting and Decorating
- c) Welding and Vehicle Body Repair
- d) Electrical Installation
- e) Catering (Food and Beverage Service)
- f) Refrigeration and Air-Conditioning

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 untuk jawatan No. 1. hendaklah mempunyai kelulusan City and Guilds Full Technological Certificate atau yang sebanding dengannya dan mempunyai pengalaman di-bidang industri atau

pengalaman mengajar selama 10 tahun. Keutamaan akan diberikan kepada calon2 yang mempunyai sijil2 guru ter-latah.

Pemohon2 untuk jawatan No. 2. hendaklah mempunyai kelulusan City and Guilds Advanced Craft Certificate atau yang sebanding dengannya dan mempunyai pengalaman di-bidang industri atau pengalaman mengajar selama 5 tahun.

Umur: Tidak kurang dari 25 tahun.

Dalam sukatan gaji:

Jawatan No. 1. T. 8 — B\$931-956-982-1007-1033-1071-1097-1135-1173-1211-1250-1301-1352-1403-1454-1505-1556-1607-1658-1709-1760-1811-1862.

ATAU

T. 9 — B\$1135-1173-1211-1250-1301-1352-1403-1454-1505-1556-1607-1670-1709-1760-1811-1862-1913-1964-2015-2091-2142-2193-2219.

Jawatan No. 2. T. 7 —

B\$746-778-810-880-905-931-956-982-1007-1033-1071-1097-1135-1173-1211-1250-1301-1352-1377-1403-1428-1454-1479.

Sharat2 Lantikan:

Calon2 yang bukan raayat Brunei akan di-tawarkan kontrak tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji sa-telah genap menamatkan tempoh kontrak.

Mereka yang terdiri dari raayat Brunei akan di-lantik ka-jawatan tetap sa-telah menjalan satu tempoh perhubungan. Pada masa ini tidak ada chukak pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Januari, 1979.

(E/618/72 — Bil: 136/1978)

P.W.D. TENDER

NOTICES

No. 221 OF 1978

TENDERS will be received from Class "B" and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 26th December, 1978 for:—

REPAIRS TO MAKTAB MELAYU PADUKA SERI BEGAWAN SULTAN, JALAN MUARA, BRUNEI.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

No. 222 OF 1978

FRESH Tenders will be received from Class "C" only and above P.W.D. Brunei Registered Contractors by Tenders Board, Brunei up to 12.00 noon on 2nd January, 1979 for:—

CONSTRUCTION OF A TOILET BLOCK AT SEKOLAH MELAYU BUKIT PANGGAL, TUTONG.

Tender documents and all particulars may be seen at the Office of Public Works Department, Bandar Seri Begawan, Brunei.

TENDER NOTICE

TENDERS are invited for the selection clearing of approximately 300 acres of land for cultivation at Luahan Agricultural Station in Brunei/Muara District.

2. The land in question may be inspected by arrangement with the Agricultural Officer stationed at Luahan who will also provide intending contractors with complete specifications of the work required on site.

3. The basic requirements are for the removal of trees, stumps and roots and debris inclusive of winnowing and burning with minimal disturbance of topsoil. The land is demarcated in blocks of measured area and contractors will be requested to quote an area basis according to the schedule provided.

4. The Government reserves the right to award separate block area contracts to more than one contractor if it deems any single bidder unable to fulfil the contract within the time limits laid down. The Government does not however bind itself to accept the lowest or any tender.

5. Tenders marked "Agricultural Land Clearing—Confidential" should be submitted under sealed cover to the Secretary Brunei Tenders Board Office of the State Financial Officer B.S.B. not later than noon on Thursday December 28th 1978.

TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received by the Chairman of the Tenders Board at the office of The State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat, Bandar Seri Begawan, Brunei from Brunei registered A Class Electrical and Mechanical Contractors up to noon on 1st January 1979 for:—

SUPPLY AND INSTALLATION ELECTRICAL AND MECHANICAL SERVICES FOR HELI-PORT AT ISTANA DARUL HANA.

2. Tenders received after this date will be rejected.

3. Tenders must be submitted in a plain sealed envelope without any indication on the cover of the identity of the tendering contractor.

4. The envelope must be addressed to the Chairman of the Tenders Board and endorsed "Tender for Electrical and Mechanical Services Heliport, Istana Darul Hana".

5. Tender documents may be obtained from John R. Harris Architects at Unit 401, 2nd Floor Seri Shophouse Complex, 1 1/2 miles Jalan Tutong, B.S.B. Brunei from 11th December 1978.

6. The Tender deposit will be B\$200.00 which will be refunded to each tenderer on the return of all tender documents and the submission of a bona fide tender.

7. Tenders must be submitted on the approved form.

8. The client is not bound to accept the lowest or any tender.

Pemandu Outboard di-Jabatan Perikanan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 sebagai Pemandu Outboard di-Jabatan Perikanan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman memandu outboard selama 3 tahun dan boleh memperbaiki kerosakan2 kecil bagi jentera outboard.

Tugas2:

Calon2 yang berjaya akan di-kehendaki memandu perahu2 berjentera Jabatan dan juga bertanggung jawab dalam pemeliharaan harian ka-las perahu2 dan injin2 dan mesti-lah bersedia menjalankan tugas2 di-luar waktu2 bekerja.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F.2-3-4-5

EB 6 — \$332-338-344-351-357-363-370-376-383-389-395-402-408-414-427-440-453-465-478-491-504-516.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-an-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 27hb Januari, 1979.

(E/1092/77 — Bil: 138/1978)

Penyelenggara Setor Tingkat III

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada calon2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 sebagai Penyelenggara Setor Tingkat III di-Pejabat Daerah, Tutong, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Calon2 untuk lantikan ini mesti-lah berumur tidak kurang 18 tahun dan lulus sekurang2nya Tingkatan III atau yang sebanding dengannya.

b) Keutamaan akan di-beri kepada calon2 yang mempunyai pengalaman dalam Penyelenggara Setor Tingkatan III.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E.1-2-3 EB 4 — \$357-370-383-395-408-421-434-446-459-472-485-497-

510-523-536-548-561-574-587-599. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sa-seorang yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendak-lah menghantar permohonan-an-nya melalui Ketua Jabatan-nya dan Ketua Jabatan itu hendak-lah menyertakan bersama2 permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 mesti-lah di-hantar dalam dua salinan borang yang boleh di-dapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 tidak lewat dari 30hb Januari, 1979.

(E/922/72 — Bil: 137/1978)

TENDER NOTICE

1. TENDERS will be received from P.W.D. registered Class "A" Contractors by the Tenders Board, at the Office of the State Financial Officer, Ground Floor, Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon on Tuesday 16th January 1979 for the:—

PROPOSED ASSEMBLY HALL AND SWIMMING POOL FOR POLICE HEADQUARTERS AT PANAGA, SERIA.

2. Tenders received after 12.00 noon Tuesday 16th January 1979 will be rejected.

3. Tender documents including Bills of Quantities may be collected from the Office of BCP Partnership, Quantity Surveyors and Construction

Cost Consultants, 201 (1st Floor) Shophouse Complex Mile 1 1/2, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, from 23rd December 1978 during normal office hours on payment of a Deposit of \$600.00 to the office of the Public Works Department, Bandar Seri Begawan.

An amount of \$500.00 will be refunded to the Tenderers who submitted a bona fide tender and the balance of \$100.00 will be refunded to Tenderers who return all drawing within two weeks after closing of tenders.

4. Tenders shall be submitted only on the Forms of Tender provided.

5. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENDER NOTICE

PROPOSED ANODISED ALUMINIUM WORK TO

LAPAU DI-RAJA BANDAR SERI BEGAWAN FOR THE

GOVERNMENT OF BRUNEI 1. TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the

1.1 Office of the State Financial Officer, Ground floor, the Government Offices, Bandar Seri Begawan from bona fide Aluminium Contractors for the supply and fixing of decorative anodised aluminium work to the Lapau up to 12.00 noon Tuesday 16th January 1979.

1.2 Tenderers must produce satisfactory evidence of competence in this field before Tender Documents can be issued.

2. Tenders received after this time will be rejected.

3. Tenders to be forwarded only in the envelope provided. There must be no indication on the cover of the name of the tenderer.

4. Tender Documents, Drawings and Specification may be obtained

4.1 from and may be examined at the Office of the Architects.

BOOTY EDWARDS DAN RAKAN2

146 JALAN CHEVALIER BANDAR SERI BEGAWAN BRUNEI

upon payment of the Tender Deposit from Tuesday 2nd January 1979.

4.2 The Tender Deposit will be \$500.00 (Brunei Dollars Five Hundred Only) refundable to all unsuccessful tenderers upon receipt of a bona fide tender.

5. Tenders are to be submitted only on the forms provided.

6. The Government of Brunei does not bind itself to accept the lowest or any tender.

BOOTY EDWARDS DAN RAKAN2

P O BOX 65 BANDAR SERI BEGAWAN BRUNEI

ELECTRICAL DEPARTMENT TENDER NOTICES

No. 82(IW)/1978

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' up to 12.00 noon on Tuesday, 3rd January, 1979 for the following:—

ELECTRICAL

INSTALLATION

FOR

28 BLOCKS 2 UNIT

CLASS 'G' QUARTERS

AT

ROYAL BRUNEI MALAY

REGIMENT CAMP

BERAKAS

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei. The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked:—

"TENDER FOR THE

ELECTRICAL INSTAL-

LATION FOR 28

BLOCKS 2 UNIT CLASS

'G' QUARTERS AT

ROYAL BRUNEI MA-

LAY REGIMENT CAMP,

BERAKAS".

Tender deposit of \$300.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

No. 83(IW)/1978

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' up to 12.00 noon on Tuesday, 3rd January, 1979 for the following:—

ELECTRICAL

INSTALLATION

FOR

2 BLOCKS OF 6 UNITS

CLASS 'C' FLATS

2 BLOCKS OF 6 UNITS

JUNIOR FLATS

AT

KUALA BELAIT

AND

2 BLOCKS OF 6 UNITS

CLASS 'C' FLATS

2 BLOCKS OF 6 UNITS

JUNIOR FLATS

AT

SERIA

FOR

EDUCATION

DEPARTMENT

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked:—

"TENDER FOR THE ELECTRICAL INSTALLATION FOR 2 BLOCKS OF 6 UNITS CLASS 'C' FLATS, 2 BLOCKS OF 6 UNITS JUNIOR FLATS AT KUALA BELAIT AND 2 BLOCKS OF 6 UNITS CLASS 'C' FLATS, 2 BLOCKS OF 6 UNITS JUNIOR FLATS AT SERIA FOR EDUCATION DEPARTMENT".

Tender deposit of \$300.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

No. 84(IW)/1978

TENDERS will be received by the Tenders Board, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Wiring Contractors, Class A and B up to 12.00 noon on Tuesday, 2nd January, 1979 for the following:—

ELECTRICAL

INSTALLATION

FOR

MOSQUE

AT

KAMPONG SELANGAN

TEMBURONG

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei.

The tender documents to be placed in a plain envelope addressed to the Tenders Board. The envelope to be clearly marked:—

"TENDER FOR THE

ELECTRICAL INSTAL-

LATION FOR MOS-

QUE AT KAMPONG

SELANGAN, TEMBU-

RONG".

The tender deposit of \$100.00 shall be in the form of a cheque refundable only to all unsuccessful tenderers upon the receipt of a bona fide tender.

No. 85(IW)/1978

TENDERS will be received by the Chief Electrical Engineer, Bandar Seri Begawan, Brunei from registered Electrical Wiring Contractors, Class 'A' and 'B' up to 12.00 noon on Tuesday, 2nd January, 1979.

ELECTRICAL

INSTALLATION

FOR

ADDITIONAL

CLASSROOMS S.M.

MULAUT,

BRUNEI

Tender documents may be obtained from the office of the Chief Electrical Engineer,

UNDANG2 PENYALAH- GUNAAN DADAH DI-LULUSKAN



Y.B. Dato Paduka Dr. Haji Johar

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rang Undang2 Penyalah-gunaan Dadah, 1978 yang telah di-usulkan oleh Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bagi menggantikan Undang2 Dadah Yang Berbahaya Tahun 1956 akhirnya telah di-luluskan oleh Majlis Mashuarat Negeri sa-telah membahaskan selama dua hari.

Rang Undang2 tersebut yang telah di-hadapkan pada hari Khamis, 14hb Disember telah di-undi sabulata suara tanpa apa2 pindaan pada hari Sabtu, 16hb Disember dan telah berjalan kuat-kuasa pada 1hb Julai yang baru lalu di-bawah Kuasa Perintah Dharurat, Perlembagaan Negeri Brunei.

Dalam undang2 itu, antara lain ia-nya telah memberikan bidang kuasa menggeledah dan merampas tanpa waran mana2 tempat atau bangunan yang di-shaki kepada pegawai2 polis yang sa-rendah2-nya berpangkat Penolong Penguasa Polis atau yang di-beri kuasa oleh-nya atau mana2 pegawai kanan kastam di-samping kuasa menangkap sesiapa jua yang di-shaki melakukan sesuatu kesalahan di-bawah undang2 berkenaan.

Undang2 Penyalah-gunaan Dadah itu juga memberi kuasa pegawai2 berkenaan untuk menggeledah, menahan atau menaiki mana2 kapal, hovercraft, pesawat terbang atau kenderaan yang di-gunakan dalam melakukan atau berkaitan dengan sesuatu kesalahan di-bawah Undang2 ini.

Dalam Bab 3, Bahagian II pada Undang2 itu telah menetapkan ada-lah menjadi kesalahan bagi sa-seorang bagi pehak diri-nya sendiri atau bagi pehak mana2 orang lain sajada atau tidak orang lain itu ada di-Brunei untuk berdagang dadah yang di-kawal, atau menawarkan untuk berdagang dadah yang di-kawal, atau melakukan kesalahan yang di-kawal, atau melakukan atau menawarkan supaya di-lakukan apa jua perbuatan sa-belum atau bagi maksud memperdagangkan dadah yang di-kawal.

Dalam Bab 4, 5 dan 6 Undang2 itu juga menetapkan sa-bagai suatu kesalahan bagi sa-seorang untuk mengilang, mengimpot atau mengekspot, memiliki atau menghisap atau dengan cara lain memakan dadah yang di-kawal ke-

chuali sa-bagaimana yang di-benarkan oleh Undang2 ini atau peratoran2 yang di-buat di-bawah-nya.

Menanam apa jua pokok jenis cannabis, atau apa jua pokok dari jenis 'papaver somniferum' atau pokok jenis 'exythyroxylon' dari mana 'cocaine' dapat diperah ada-lah menjadi kesalahan bagi sa-seorang menurut Undang2 itu.

Tuan2 punya, penyewa, penghuni atau orang yang menjaga mana2 tempat atau bangunan dan mereka yang bersubahat atau chuba melakukan sebarang perbuatan penyalah-gunaan dadah yang di-kawal boleh di-kenakan hukuman jika di-dapati thabit kesalahannya.

Undang2 tersebut juga telah menjadualkan 101 jenis dadah kelas A, 15 jenis dadah dalam kelas B dan 6 jenis dadah dalam kelas C yang termasuk dalam jenis2 dadah yang di-kawal.

Dalam bidang hukuman pula Undang2 itu telah menetapkan hukuman yang paling tinggi dengan 30 tahun penjara atau denda \$50,000.00 atau kedua2-nya sekali dan 15 kali sebat bagi kesalahan2 memperdagangkan dadah yang di-kawal tanpa kebenaran terhadap orang2 yang di-bawah umur 18 tahun dan mengilang dadah yang di-kawal tanpa kebenaran sementara bagi kesalahan mengimpot atau mengekspot dadah yang di-kawal tanpa kebenaran hukuman hanya akan di-jatuhkan dengan penjara atau denda yang tersebut atau kedua2-nya di-atas jenis2 dadah kelas A dan B.

Manakala hukuman yang paling rendah yang diperuntukkan dalam Undang2 Penyalah-gunaan Dadah 1978 itu ia-lah denda \$1,000.00 atau penjara enam bulan atau kedua2-nya sekali bagi mereka yang melakukan kesalahan kerana gagal mematuhi kehendak2 yang sah di-sisi undang2 dan sementara kerana memberi maklumat palsu pula Undang2 berkenaan boleh mengenakan hukuman sa-tahun penjara atau dengan \$5,000.00 kedua2-nya sekali, dan kerana gagal membekalkan chontoh ayer kenching untuk tujuan pemeriksaan mereka yang thabit kesalahan boleh di-denda sa-

banyak \$5,000.00. Menjelaskan perbuatan pe-

Penageh2 dadah di-negeri ini terdiri dari pendatang2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Dato Paduka Dr. Haji Johar bin Dato Paduka Haji Nordin memberitahu Dewan bahawa sa-jauh ini menurut laporan polis sudah terdapat kira2 100 orang penageh dadah di-negeri ini yang kebanyakannya terdiri dari pendatang2 luar negeri.

Dewan juga di-beritahu bahawa dalam masa tiga bulan sejak Undang2 Dadah di-kuat-kuasakan pada 1hb Julai lalu, sa-ramai 27 orang dari 30 orang yang di-dapati menyalah-gunaan dadah telah di-hukum, bagaimanapun dalam tempoh dua bulan yang lalu ada-lah di-perchayai tidak ada kegiatan penyalah-gunaan dadah yang berupa heroin, cannabis dan chandu di-laporkan.

Beruchap kepada Dewan ketika membentangkan Rang Undang2 Penyalah-gunaan Dadah, 1978, pada Khamis, 14hb Disember lepas, Yang Berhormat itu menjelaskan lagi, antara lain tujuan undang2 tersebut di-adakan ia-lah sa-bagai menggantikan Undang2 Dadah Yang Berbahaya Tahun 1956 dengan syarat2 yang lebih lengkap dan luas bagi mengator dan mengawal dadah yang berbahaya dan mudharat yang di-sebut sa-bagai dadah yang di-kawal dalam undang2 itu.

Yang Berhormat itu menambah kata, memandang kita lebeh banyak lagi jenis2 dadah yang berbahaya telah di-chiptakan pada masa ini yang tidak di-jadualkan di-dalam Undang2 Dadah Berbahaya Tahun 1956 dan denda2 kerana kesalahan mengenai-nya akan di-sesuaikan dengan keadaan ketika ini seperti yang terkandung dalam Rang Undang2 yang baru itu.

Dalam keterangan-nya mengemukakan Rang Undang2 itu, Yang Berhormat itu menyatakan lagi bahawa Rang Undang2 tersebut telah pun di-luluskan dengan kuat-kuasa-nya mulai 1hb Julai yang baru lalu di-atas Kuasa Perintah Dharurat, Perlembagaan Negeri Brunei.

Rang Undang2 yang mengandungi 36 Bab dalam Empat Bahagian itu di-chadangkan sa-bagai menjadi satu undang2 kekal di-negeri bagi menggantikan Undang2 Dadah Yang Berbahaya Tahun 1956 yang akan di-mansuhkan.

Menurut Y.B. Dato Paduka Dr. Haji Johar, memandang kegiatan2 penyalah-gunaan dadah di-negeri lain seperti yang di-bayangkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dalam titah Baginda di-Istiadat Perasmian Majlis yang baru lalu, maka kerajaan kuatir yang masalah itu akan menjangkit pula kanegara kita yang di-chintai ini.

nyalah-gunaan dadah kepada Dewan, Yang Berhormat itu berkata ia-nya berlaku atas sikap pengguna yang selalu atau kadang-kala telah menggunakan dadah2 dengan tidak berpatutan atau tidak selaras dengan nasihat perubatan yang di-berikan.

Hal ini jelas beliau lagi sambil menggariskan beberapa pendapat pakar2, bahawa penggunaan dadah boleh jadi satu bukti yang merupakan dasar perangai yang tidak sempurna dan ingin mendapat kepuasan sa-chepat mungkin meskipun akibat pertentangan harus berlaku dalam jangka panjang.

Mengenai kemasokan sa-jumlah kecil cannabis kanegeri ini Y.B. Dato Paduka Dr. Haji Johar menjelaskan bahawa perkara itu boleh jadi di-lakukan menerusi udara dari Bangkok, bagaimanapun oleh kerana kawalan ketat ka-atas penanaman chandu poppies di-Thailand, kemusnahan ka-atas kilang2 haram yang menge-luarkan heroin dan chandu serta kejayaan tindakan Singapura terhadap pengedar2, maka penyeludupan heroin dan chandu melalui laut dari Singapura di-yakini boleh dilumpuhkan.

Menerusi Dewan, Y.B. Dato Paduka Dr. Haji Johar mengingatkan beliau2 di-negeri ini supaya berwaspada terhadap penyakit penyalah-gunaan dadah ini kerana jelas-nya terdapat berbagai cara pengedar2 hendak mempergarohi beliau2 dalam perkara ini.

Kata-nya, pada perengkat pertama pengedar2 hanya akan memberikan dadah2 itu sa-chara perchuma tetapi lama kelamaan mereka akan mula mengenakan bayaran yang dari masa ka-semasa semakin meningkat.

Justeru itu Yang Berhormat itu juga mengingatkan ibubapa supaya berwaspada dan sentiasa menyiasat akan kegunaan wang yang di-berikan kepada anak2 mereka.

Ini, tambah beliau, ia-lah sa-bagai membuktikan yang kita akan benar2 menjunjong titah Baginda dalam memberikan kerjasama yang sehat dan tulen terutama pada memikirkan persediaan2 ka-arrah kemerdekaan.

Mengenai dalam bidang kerjasama orang ramai, Yang Berhormat itu menyakinkan, bahawa undang2 tersebut adalah memberi perlindungan kepada mereka yang memberikan maklumat terhadap kumpulan penyalah-gunaan dadah itu.



Minggu Kesedaran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kempen keselamatan jalanraya yang di-berinama Minggu Kesedaran Keselamatan Jalan Raya kini sedang di-adakan di-seluruh negeri. Kempen yang bermula sejak hari Isnin itu akan berakhir pada 23hb Disember.

Kempen tersebut di-anjarkan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya Brunei dan di-sepanjang minggu tersebut anggota2 polis dan pegawai2 dari Jabatan Pengangkutan Darat akan mengadakan sekatan2 di-jalan raya untuk memeriksa kenderaan2 yang mempunyai kesalahan2 seperti tayar2 botak, brake kurang memuaskan serta keadaan sistem lampu kereta2. Saperti biasa pemeriksaan had laju juga akan di-adakan.

Dari muka 1

Fasal 7 bertujuan untuk meningkatkan lagi bayaran penyelesaian kesalahan dari dua puluh lima ringgit ka-lima puluh ringgit.

Dalam Fasal 8 yang meminda Bab 89 dengan memberi bidang kuasa bersama kepada sa-seorang Pengadil Kelas Satu dan Mahkamah Besar untuk membicarakan kesalahan yang menyebabkan kematian kerana memandu dengan merbahaya.

Antara Ahli2 Yang Berhormat yang di-lantik yang turut menyokong Undang2 Pindaan tersebut ia-lah YB Orang Kaya Pekerma Dewa Lukan yang melahirkan harapan mudah2an pindaan Undang2 Lalu-lintas itu akan mengekal dan menguatkan lagi kuasa yang ada. Kata-nya rang tersebut ada-lah satu tujuan yang baik supaya keadaan lalu-lintas di-negeri ini akan seimbang dengan negara2 lain.

PENOLONG Pegawai Daerah Belait, Pengiran Omar bin Pg Sabtu yang juga selaku Pengerusi Tabong Anak2 Yatim (kanan) sedang menerima derma yang berjumlah \$325.22 yang di-sampaikan oleh Che'gu Tuah bin OKMD Haji Saman untuk Tabong Anak2 Yatim Daerah Belait.

Wang tersebut ada-lah hasil dari penjualan bunga yang di-kekolakan oleh Perkumpulan Wanita dan Pelajar2 Kelas Dewasa Daerah Belait sa-masa Pesta Pantai yang di-adakan di-Pantai Lumut pada 3hb Disember yang lalu.

Dari muka 1

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dalam mengemukakan Rang Undang2 itu telah memberitahu Dewan bahawa terdapat beberapa kegiatan perniagaan telah munchol tanpa kebenaran.

Kerajaan, jelas Yang Berhormat itu telah mendapati bahawa tidak kurang dari 180 buah kegiatan perniagaan yang di-dapati tidak memenohi syarat2 terutama dari segi kesihatan.

Yang Berhormat Setia Usaha Kerajaan selanjutnya memberitahu Dewan bahawa Undang2 itu sama sekali tidak di-niatkan untuk menyekat, tetapi adalah semata2 untuk mengator dan mengadakan susunan2 selain dari bertujuan melindungi orang ramai dari sebarang wabak penyakit merbahaya.



GAMBAR atas menunjukkan jurutera2 dan pegawai2 kanan tempatan Jabatan Kerja Raya yang telah menyertai "Seminar Critical Path Analysis" yang telah di-adakan sa-lama dua hari bertempat di-Yunit Latihan Jabatan Perjawatan pada minggu lalu.

Seminar tersebut di-anjarkan bersama oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad dan Jabatan Kerja Raya dan di-kekolakan oleh Awang J. Palmer.